



PERCUMA 29 Mac - 4 April, 11 - 17 Rejab 1439

[www.selangorkini.my](http://www.selangorkini.my) Media\_Selangor

selangortv.my MediaSelangor



# SULTAN SHARAFUDDIN YAKIN KOMITMEN KERAJAAN NEGERI

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, yakin usaha Kerajaan Negeri ke arah membangunkan *Smart State* mampu digarap.

Baginda bertitah, Kerajaan Negeri dilihat turut bersedia menghadapi Revolusi Industri 4.0 ke arah mencapai matlamat itu.

Titah baginda, usaha terbabit memperlihatkan penyediaan perkhidmatan pintar melalui *Internet of Things, Big Data* dan *Artificial Intelligence*.

"Memanda Dato' Menteri Besar yang inovatif dan kreatif membangunkan Selangor sebagai negeri pintar atau *Smart State* serta bersedia menghadapi Revolusi Industri 4.0.

"Usahainipastinyadapatmenyediakanperkhidmatan pintar melalui *Internet of Things, Big Data* dan *Artificial Intelligence*," titah baginda.

Terdahulu, Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, gagasan Smart Selangor adalah teras utama memacu pembangunan negeri mencapai status *Smart State*.

Inisiatif itu tidak tertumpu kepada pembangunan semata-mata tetapi turut menggarap nilai kerohanian, kemanusiaan, amalan tatakelola baik dan menjamin keadilan sosial untuk masyarakat.

Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) turut optimis pembangunan evolusi Smart Selangor dapat dijayakan, untuk tempoh 2025.

MBI akan melihat keseluruhan industri dan gelombang baru yang mampu mewujudkan ekosistem baru, di negeri itu.



Gambar oleh Astrie Sapfir

IKTISASS PENUHI  
ASPIRASI GENERASI  
MUDA

MUKA 3



PEDULI NASIB  
VETERAN ATM

MUKA 4



MEDIA SELANGOR  
BAKAL MENERBITKAN EDISI  
KHAS SELANGORKINI PEDULI  
BERMULA 2 APRIL 2018  
YANG BAKAL DIEDARKAN  
SETIAP SELASA

Badal Haji  
1439H  
Sijil & Cenderahati

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

# UMRAH

APRIL | RAMADHAN | OKT | NOV | DIS

03 - 6178 7055 | 012 - 330 3006



Bawa Keratan Ini Untuk DISKAUN  
Pakej Umrah 2018  
Tertakluk Pada Terma & Syarat

SAWANA GEMILANG  
TRAVEL & TOURS SDN BHD

COMPANY NO: 1001408 - K KPK / LN: 6823 (LKK)  
MOF: K22154748651360785

NO. 3 - 2F PINGGIRAN MUTIARA UTAMA,  
TAMAN MUTIARA GOMBAK,  
53100 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

03 - 6178 7055 | 012 - 330 3006

sgtravel2u

www.sgtravel2u.com.my

# Sultan Selangor berkenan mengadap lima pembesar negeri

**KLANG** - Istiadat Menjunjung Duli Sempena Pemahsyuran Gelaran Orang-Orang Besar Istana Orang Besar Daerah Dan Dato'-Dato' Diraja Selangor selamat disempurnakan, di Balairung Seri, Istana Alam Shah, di sini, pada 25 Mac lalu.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima mengadap lima pembesar negeri yang kembali selepas meninggalkan Selangor selama tujuh hari selepas permahsyuran gelaran, pada 17 Mac lalu.

Majlis penuh istiadat diraja itu dimulakan dengan mengadap Dato' Diraja Selangor, Dato' Setia Pekerti Diraja, Dato' George Stewart LaBrooy.

Ia kemudian disusuli Dato' Diraja Selangor, Dato' Kurnia Bakti Diraja, Dato' Mohd Effendi

Abdullah; Orang Besar Daerah Petaling, Dato' Orang Jaya Maha Bijaya Petaling, Dato' Emran Kadir dan Orang Besar Istana, Engku Panglima Setia Diraja, Yang Mulia Syed Haizam Hishamudin Putra Jamalullail.

Istiadat mengadap diakhiri dengan Orang Besar Istana, Tengku Seri Perkasa Diraja, Tengku Musahidin Shah Tengku Abdul Samad Shah.

Semua lima pembesar negeri itu turut mempersembahkan cenderamata kepada Sultan Sharafuddin sambil disaksikan DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Istiadat diakhiri dengan bacaan doa yang disampaikan Sohibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Dato' Mohd Tamyes Abdul Wahid.



**Komitded capai kemajuan**

# Integriti jana kemakmuran ekonomi

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**AMPANG** - Kemajuan Selangor didorong komitmen berterusan Kerajaan Negeri dengan prinsip integriti dan bebas rasuah bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri secara efektif, kata Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, realiti itu sekali gus menafikan kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Zahid Hamidi yang menganggap kemajuan negeri berpunca daripada tatakelola pentadbiran Selangor di bawah Umno Barisan Nasional, sebelum 2008.

"Memang ada pembangunan yang dibuat kerajaan sebelumnya tetapi tidak semestinya pembangunan itu boleh dikekalkan jika kerajaan kini tidak bertanggungjawab."

"Justeru, jangan melihat apa yang berlaku sebelum ini menjadi permulaan kepada apa yang berlaku sekarang," katanya selepas menghadiri Majlis Anugerah Cemerlang Majlis Perbandaran Ampang Jaya, di Hotel Flamingo, pada 21 Mac lalu.

Mohamed Azmin diminta mengulas kenyataan Ahmad Za-

hid yang mengaitkan kejayaan pertumbuhan ekonomi Selangor diraih hasil usaha pentadbiran Umno-Barisan Nasional (BN).

Memetik Astro Awani, beliau dilapor berkata, kejayaan itu juga adalah kesinambungan pimpinan negeri yang diterajui parti ketuanan Melayu itu.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin berkata, BN sebenarnya gagal membawa perubahan besar kepada aspek kebajikan dan kelangsungan ekonomi rakyat.

Katanya, ia dibuktikan menerusi langkah agresif Kerajaan Persekutuan yang melaksanakan kadar pencukaian tinggi dan membebankan rakyat.

"Keadaan sebaliknya berlaku ketika Tun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri apabila Malaysia maju dalam pelbagai aspek pertanian dan perindustrian."

"Kita tidak perlu ada GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) tetapi negara ini tetap maju, namun sebaliknya berlaku sekarang."

"Keutamaannya, kerajaan yang diberikan mandat oleh rakyat itu harus bertanggungjawab secara baik dan berintegriti mentadbir kemajuan negeri," katanya.

## Segera muktamad penstrukturran air

**AMPANG** - Kerajaan Persekutuan digesa memuktamadkan isu penstrukturran air negeri secepat mungkin tanpa perlu bersikap prejudget dengan tujuan membuatkan imej pentadbiran Selangor.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, isu kepentingan rakyat perlu diutamakan tanpa perlu mengambil sentimen politik tertentu.

"Jangan politikkan lagi isu air

di Selangor dan sebab itu Kerajaan Negeri menggesa Kerajaan Persekutuan segera memuktamadkan isu ini.

"Kita lihat isu ini sudah menjadi polemik politik dan ini sebenarnya budaya tidak sihat, justeru saya mahu perkara ini di selesaikan segera," katanya.

Isu pengambilalihan ekuiti Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) gagal dimuktamadkan akibat kelewatan Kerajaan

Persekutuan menyatakan nilai sebenar pengambilalihan ekuiti berkenaan.

Bagaimanapun, di peringkat Kerajaan Negeri, nilai pengambilalihan sudah dibuat menerusi lantikan panel penilai pentadbiran Selangor.

Untuk rekod, tempoh proses pengambilalihan itu seharusnya berakhir pada 5 Oktober lalu, dengan nilai pengambilalihan didekadahkan kepada umum.

## Henti pertikai isu tanah Ijok

**KAPAR** - Kerajaan Negeri sudah mengeluarkan kenyataan lengkap berhubung isu tanah di Ijok dan ia seharusnya menjawab persoalan dibangkitkan pelbagai pihak berkaitan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kenyataan itu seharusnya tidak dipertikaikan dengan Kerajaan Negeri sudah mencapai jalan penyelesaian melalui saluran undang-undang.

"Kita sudah beri penjelasan panjang lebar dan semua keterangan juga bukti sudah di berikan dalam kenyataan bertulis secara umum itu."

"Jika tidak dibuat, ia akan diputar belitkan media arus perdana," katanya.

Ia menjadi persoalan ekoran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tujuh individu dipercayai mempunyai kaitan dalam kes berkenaan bagi membantu siasatan.

Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Menteri Besar, Yin Shao Loong, dalam kenyataan



pada 15 Februari lalu menjelaskan, Kerajaan Negeri berjaya

menyelesaikan masalah peneroka tanah terbabit hanya dalam tempoh empat tahun.

Katanya, Mohamed Azmin amat mementingkan pembezaan peneroka tanah di mukim Ijok itu dan setiap peneroka terbabit mendapat pampasan RM180,000 dan rumah yang kini bernilai sekurang-kurangnya

RM400,000.

"Masalah berkenaan sebenarnya timbul ketika pentadbiran Umno-Barisan Nasional (BN) kerana peneroka menunggu selama 18 tahun untuk memperoleh keadilan."

"Tindakan segera Mohamed Azmin menyelesaikannya adalah prinsip keadilan sosial dan peduli rakyat Kerajaan Negeri," katanya.

Persediaan tempuh cabaran Revolusi Industri 4.0

# IKTISASS penuhi aspirasi millennials

OLEH AFIX REDZUAN

**SUBANG JAYA** - Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) secara rasmi dilancarkan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, bertempat di Pusat Konvensyen Sunway Piramid, pada 25 Mac lalu.

Kerajaan Negeri memperuntukan RM52 juta untuk program itu yang mewakili 51 peratus daripada peruntukan pendidikan tinggi berjumlah RM101.73 juta.

Dalam ucaptamanya, Mohamed Azmin berkata, usaha itu membuktikan Kerajaan Negeri serius membangunkan latihan kemahiran teknikal, vokasional dan profesional bagi memenuhi aspirasi Millennials demi menjamii kebolehpasaran.

"Sebagai regional smart state, Selangor bukan sahaja memerlukan satu lonjakan bakat untuk mendeppani cabaran teknologi semasa tetapi perlu sentiasa ke hadapan untuk memperbaiki tahap persaingan negara di rantau ASEAN seterusnya move up the Global Competitiveness Rating."

"Selangor perlu menerajui inisiatif untuk menyediakan modal insan diperlukan dalam mengha-

dapi cabaran Industri 4.0 yang akan mendatangkan pelbagai *disruption* sebagai gedung kuasa ekonomi negara.

"Mulai tahun ini, program IKTISASS dilaksanakan dan akan menjadi *touchstone* dalam perkembangan kemahiran teknikal, vokasional dan profesional bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga nasional," katanya.

Melalui program itu, Kerajaan Negeri akan membiayai sepenuhnya 2,000 anak muda Selangor dalam pelbagai kemahiran dengan rakan strategik termasuk kepakaran Strand Aerospace, INPENS, Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor (SHRDC) dan SST & Consultancy Academy.

Katanya, Kerajaan Negeri sangat komited dalam memastikan jumlah tenaga mahir dipertingkatkan supaya mencapai sasaran 50 peratus dalam tempoh beberapa tahun akan datang bagi memastikan Selangor kekal gah sebagai negeri perindustrian berpendapatan tinggi.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri turut menggalakkan sistem perantisan aras tinggi atau *high level apprenticeship* dalam ka-



langan pihak industri terbabit.

"Melalui sistem ini, pihak industri akan turut serta secara aktif dalam melatih bakal pekerja dengan konsep pelaksanaan *place-and-train* yang ternyata memanfaatkan semua pihak yang terbabit.

"Dengan menaik taraf rantaian

nilai atau *value chain* serta menggunakan pelbagai aplikasi selaras dengan Industri 4.0, maka sektor perkilangan di Selangor akan mampu dipertingkatkan setaraf dengan negara maju seperti Eropah dan Jepun," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Az-

min turut meluangkan masa mela-wat beberapa gerai pameran sem-pena pelancaran itu dan antara yang mengambil bahagian adalah Strand Aerospace, INPENS, Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor (SHRDC) serta SST & Consultancy Academy.

## Peluang bina kerjaya

**SUBANG JAYA** - Generasi muda disarankan terus menggunakan peluang disediakan Kerajaan Negeri menerusi Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS).

Penyanyi dan pelakon, Atilia Haron berkata, program dijaya-kan dengan peruntukan RM52 juta itu memberi banyak manfaat khususnya kepada genera-si muda dalam membina kerja-yaa, pada masa depan.

"Program ini sangat baik dan banyak membantu anak muda untuk mendapatkan informasi baru berkaitan skim latihan ditawarkan bagi melanjutkan pe-lajaran.

"Saya kira, generasi muda tidak patut melepaskan pelu-ang baik ini kerana banyak ke-mudahan disediakan menerusi IKTISASS," katanya kepada SelangorKini.

Sebagai anak Selangor, ka-

tanya, beliau amat berbangga dengan program itu dan ber-harap ia bakal berterusan.

Katanya, IKTISASS menyediakan landasan bagi golongan sasaran mendapatkan latihan kemahiran bersesuaian dengan perkembangan teknologi masa kini.

"Sebagai artis, saya sendiri turut mendalami perkem-bangan ini dan menggunakan kemudahan media sosial bagi membina kerjaya sebagai anak seni," kata anak kelahiran Shah Alam itu.

Atilia adalah salah seorang selebriti yang terbabit dalam

program IKTISASS 2018 di Sun-way Convention Centre, di sini, bermula 23 hingga 25 Mac lalu.

Sementara itu, lagenda rock tanah air, Amy Search, mem-beri sokongan penuh kepada IKTISASS kerana pelaksanaan itu dilihat penting untuk kemaju-an sesebuah negara.

"Pada masa kini, program Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) me-langkaui arus semasa, maka golongan belia berpeluang meningkatkan kemahiran melalui IKTISASS.

"Secara tidak langsung IKTISASS mampu melahirkan lebih

ramai tenaga mahir bagi me-nyokong pertumbuhan ekono-mi," katanya.

Amy berkata, peluang itu harus diambil anak muda, di samping melihat ia sebagai salah satu kerjaya.

"Saya juga pernah mence-buri bidang pengimpalan se-belum bergelar artis, namun ketika itu tidak secanggih masa kini. Oleh itu, golongan belia harus melihat kemajuan yang dibawa Kerajaan Negeri melalui pusat pengajian yang le-bih selesa, peralatan lebih canggih dan berteknologi tinggi," katanya.

## SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

KETUA PENGARANG: Cecilia Alphonsus

PENGARANG : Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,  
Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,  
Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,  
Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,  
Ermizi Muhamad : noraizie@mediaselangor.com  
Sabirah Aziz : maizatul@mediaselangor.com  
Sheeda Fathil : sheeda@mediaselangor.com

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN:

Nadrah Azlan : nadrah@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 117)

JURUGAMBAR: Asri Sapie, Raheemie Arifin & Hafiz Othman

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,  
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

## Tarik perhatian generasi muda

**SUBANG JAYA** - Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) 2018 dijayakan Kerajaan Ne-geri di Sunway Convention Cen-tre, di sini, berlangsung meriah dengan penyertaan ramai khu-susnya golongan anak muda.

Majlis yang berlangsung se-lama tiga hari sehingga 25 Mac lalu disempurnakan Dato' Men-teri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, serta turut dihadiri Exco Pendidikan, Pembangu-

nan Modal Insan, Sains Teknolo-gi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Program dijayakan itu mem-beri peluang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mendapatkan maklumat menyambung pengajian yang ditawarkan menerusi kemahiran teknikal dan vokasional (TVET).

Kira-kira 30 gerai pameran tersedia dengan penyertaan pelbagai agensi Kerajaan Negeri

dan wakil industri bagi kemuda-han orang ramai mendapatkan maklumat diperlukan.

Antara aktiviti dijalankan ia-lah forum dan taklimat berkaitan kerjaya, sesi temu bual, pertandingan e-game serta pel-bagai acara dengan hadiah me-narik juga cabutan bertuh.

Program turut diserikan de-nan persembahan artis an-taranya Amy Search, Haqiem Rosli, Atilia Haron, Wany Hasrita dan Talitha Tan.

Rangkumi pelbagai lapisan rakyat

# Sultan Sharafuddin perkenan program IPR



Sultan Sharafuddin bertitah pada Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keenam, Dewan Negeri Selangor ke-13, di sini, pada 26 Mac lalu

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Kemajuan sebuah negeri tidak diukur melalui pertumbuhan ekonomi semata-mata tetapi perlu menekankan indeks kebahagiaan masyarakat bagi menentukan kejayaan kerajaan memerintah.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, antara petanda kebahagiaan adalah alam sekitar hijau dan sihat, kebijakan rakyat terjamin, tahap kesihatan berkualiti dan indeks rasuah yang rendah.

"Beta berkenan dengan usaha Kerajaan Negeri yang bukan sahaja memberikan perhatian

penting terhadap pertumbuhan ekonomi tetapi juga terus memelihara alam sekitar, melaksanakan program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) merangkumi sektor kesihatan, pendidikan, perumahan dan keusahawanan.

"Kerajaan beta juga berpegang teguh kepada prinsip ketelusan dan integriti dalam pentadbiran," titah baginda.

Baginda bertitah, antara skim IPR itu termasuk Skim Rawatan Jantung Selangor melalui kerjasama pintar dan strategik dengan Institut Jantung Negara (IJN) untuk membantu rakyat Selangor, khususnya golongan berpendapatan rendah.

Titah baginda, tidak terkecu-

ali program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) yang memberi pengiktirafan terhadap peranan dan pengorbanan ibu sebagai tonggak pembangunan institusi keluarga dan masyarakat.

"Beta turut berkenan dengan kejayaan Kerajaan Negeri membangunkan hampir 25,000 perumahan mampu milik atau Rumah Selangorku untuk rakyat jelata.

"Beta juga amat sukacita apabila 70 peratus daripada Rumah Selangorku yang dibina di negeri beta adalah di bawah kategori harga kurang daripada RM200,000. Demikianlah seharusnya dasar perumahan rakyat dilaksanakan," titah baginda.

## Masjid dan surau Klang terima bantuan

**KAPAR** - Kerajaan Negeri melalui Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) menghulurkan sumbangan RM180,000 kepada masjid dan surau, di daerah Klang, baru-baru ini.

Majlis penyerahan di Masjid As-Syarif, Meru, di sini, disempurnakan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, sebelum menunaikan solat Jumaat.

Sumbangan untuk program membaik pulih dan menaik taraf diagihkan kepada Masjid As-Syarif sebanyak RM50,000, Masjid Taman Sri Mudap (RM50,000), Masjid Al-Munawwarah (RM50,000) dan Surau Al-Amin (RM30,000).

Hadir sama, Ahli Dewan Negeri Meru, Dr Abdul Rani Osman dan Ketua Korporat MBI, Ahmad Ashraf Asnan.



## Malaysia boleh hancur

**KUALA LUMPUR** - Proses persempadanan baru bagi kawasan Semenanjung Malaysia di peringkat Dewan Rakyat akan menyebabkan kesejahteraan negara hancur, kata Ahli Parlimen Gombak, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, ia susulan wujudnya ketidakseimbangan kaum dan populasi pentadbiran Persekutuan yang ditunjangi kerajaan yang tidak diiktiraf hasil perolehan undi secara berat sebelah dan tidak adil.

"Mengapa SPR pecahkan perpaduan kaum yang ada pada negara hari ini? Ini sudah melampau, kerana mereka (SPR) terlalu mengikut telunjuk parti perkauman, Umno-Barisan Nasional (BN)."

"Kita tidak mahu sebuah kerajaan yang dilantik daripada sistem yang rosak. Kerajaan yang akan dibentuk adalah kerajaan yang haram oleh Umno-BN," katanya.

Ahli Parlimen pembangkang mengangkat plakat kuning dengan perkataan 'Bangkit Rakyat Hentikan Penipuan' sebagai bantahan keputusan

usul persempadanan semula kawasan pilihan raya yang diluluskan di Dewan Rakyat, pada 28 Mac lalu.

Diiringi laungan 'tipu' dan 'curi', tindakan itu juga dibuat selepas keputusan usul yang menyaksikan perubahan nama kawasan Parlimen serta Dewan Undangan Negeri diluluskan dengan perolehan 129 anggota Dewan Rakyat menyokong sementara 80 lagi menolak.

Sementara dua wakil bebas Sim Tong Him (Kota Melaka) turut menolak usul berkenaan, manakala Tan Sri Khalid Ibrahim menyokong usul itu, di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak membentangkan laporan persempadanan baru untuk kawasan pilihan raya di Semenanjung Malaysia, kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Pembentangan itu menyaksikan 14 anggota Parlimen Barisan Nasional dan pembangkang mengambil bahagian membahaskan usul berkenaan.

Antaranya, Mohamed Azmin dan Ahli Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar.



Mohamed Azmin menyantuni Khairuddin dan menyerahkan sumbangan bagi menghargai pengorbanan beliau

## Komitited bela nasib pesara tentera

**SUNGAI BULOH** - Prihatin terhadap jasa dan bakti perajurit tanah air yang berjuang mempertahankan kemerdekaan negara, Kerajaan Negeri menghulurkan sumbangan kepada pesara tentera, Khairuddin Abu Omar.

Bantuan RM7,000 disalurkan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, di bawah peruntukan RM1 juta, seperti diumumkan pentadbiran negeri, dalam Belanjawan 2018.

"Bantuan ini sudah dilaksanakan sejak dua tahun lalu dengan peruntukan khas untuk menjaga kebajikan veteran tentera dengan peruntukan RM1 juta.

"Daripada jumlah itu, RM500,000 disumbangkan kepada Tabung Pahlawan Negeri, sementara lainnya digunakan untuk bantuan turun padang."

"Sudah tentu Kerajaan Negeri merasakan tanggungjawab

kami melihat kebajikan golongan ini terpelihara kerana ramai penjawat awam dan bekas tentera menetap, di Selangor," katanya.

Sementara itu, Khairuddin, 64, menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri mengangkat kebajikan golongan itu.

Beliau berkata, inisiatif sama perlu dilaksanakan di peringkat Persekutuan bagi menjamin kesejahteraan golongan itu, terutama kepada anggota yang mengalami kecederaan kekal akibat peperangan.

"Sudah 30 tahun saya bersara, akhirnya pengorbanan kami dihargai. Walaupun tidak pernah menerima manfaat serupa di peringkat Persekutuan, namun cukup berterima kasih kepada Dato' Menteri Besar," katanya yang menamatkan perkhidmatan bersama Angkatan Tentera Malaysia.



Titah Sultan Sharafuddin Idris Shah

# Kukuh perpaduan dan tepis fitnah



OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, melahirkan rasa dukacita dengan penyebaran berita palsu yang mendorong gejala fitnah semakin berleluasa, pada masa kini.

Baginda turut bimbang rakyat akan terdedah kepada perpecahan jika keadaan itu berterusan.

"Sejak kebelakangan ini, beta berasa amat dukacita apabila membaca sendiri berita palsu khususnya di media sosial yang bercanggah dengan fakta sebenar.

"Apa yang membimbangkan beta, ramai pula yang percaya kepada berita palsu ini lantas menyebarkannya tanpa memeriksa kesahihan sesuatu berita itu," titah baginda.

Baginda bertitah demikian di Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor ke-13, di Dewan Anexe, di sini, pada 26 Mac lalu.

Sehubungan itu, Sultan Sharafuddin mengingatkan rakyat yang berbilang bangsa, agama dan keturunan dapat mengukuhkan perpaduan.

Titah baginda, rakyat perlu bersatu padu dan bertolak ansur

antara satu sama lain jika mahu mencapai negeri maju serta terus makmur.

"Rakyat perlu bersatu padu dan bertolak ansur antara satu dengan lain serta tidak menimbulkan ketegangan yang boleh menyebabkan huru-hara.

"Semangat keharmonian perlu sentiasa disemarakkan dan saling hormat-menghormati di antara satu dengan lain, tidak kira

sesama umat Islam atau bukan," titah baginda.

Baginda menganggap rakyat umpama sebuah keluarga besar, sekali gus perlu saling bermuafakat, bekerja dan berganding bahu memajukan negeri.

"Muafakat ini amat penting supaya kemakmuran dan kesejahteraan yang kita kecapi ketika ini dapat berterusan," titah baginda.

## Pendorong untuk kerja lebih kuat

**SHAH ALAM** - Ahli Dewan Nege ri (ADN) Selangor menyifatkan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, sebagai pembakar semangat untuk berusaha lebih gigih berkhidmat kepada negeri dan rakyat.

ADN Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, hal itu ekoran baginda dalam titahnya memberi pengiktirafan terhadap usaha gigih Kerajaan Negeri mentadbir Selangor dengan baik.

"Titah DYMM tuanku hari ini cukup padat dan memberi pengiktirafan yang penuh kepada kepimpinan Dato' Menteri Besar yang berjaya mentadbir Selangor dengan bertanggungjawab serta menjalankan tugas dengan baik. Semua peruntu kan kebajikan disalur dan mempertahankan hak rakyat.

"Rumusan keseluruhannya, titah ucapan tuanku memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri serta memberi nilai tambah untuk kita terus bekerja



kuat memastikan Selangor terus dipertahankan juga meneruskan agenda peduli rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas berlangsungnya Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keenam, Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-13, di DNS, di sini, pada 26 Mac lalu.

Katanya, baginda turut memperakui Selangor sebagai negeri penyumbang terbesar kepada ekonomi negara dengan sumbangan 22.7 peratus bagi Kela uaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Selain itu, Suee Lim juga mahu semua pihak mematuhi titah baginda yang mahu tiada pihak tidak bertanggungjawab mempolitikkan isu berkepentingan rakyat seperti air.

ADN Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, semua pihak bertanggungjawab perlu memandang serius saranan baginda dalam isu penyebaran berita palsu.

"Perkara ini harus ditangani de-

ngan bijak, tak perlu ada undang-undang seperti dicadangkan Kerajaan Persekutuan kerana kerangka undang-undang yang ada pada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan undang-undang fitnah sebagainya sudah cukup lengkap.

"Saya setuju perkara ini harus ditangani kerana banyak pihak memainkan berita palsu ini, malah adakala dalam media perdana sendiri juga misalnya mainkan isu air Selangor hingga berleluasa berita palsu itu," katanya.

Sementara itu, ADN Subang Jaya yang juga Speaker DNS, Hannah Yeoh pula menyambut baik titah baginda berkenaan buku DNS yang berjaya diterbitkan.

"Titah ucapan tuanku berhubung buku DNS yang sudah diterbitkan dengan jayanya dan kita sudah edarkan di seluruh perpustakaan di Selangor juga semua wakil rakyat.

"Buku itu merekodkan kejayaan DNS sejak 2008 dan ia adalah rujukan segala proses serta apa yang berlaku dalam dewan, koleksi bergambar untuk ADN simpan sebagai memori," katanya.

## Patuh titah sultan, henti politik isu air

**SHAH ALAM** - Semua pihak harus menghentikan perbuatan mempolitikkan isu air seperti yang dititahkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, bagaimanapun malangnya perbuatan mempolitikkan isu air masih terus berlaku.

"Saya dapat menyelami perasaan tuanku kerana baginda sudah menitahkan perkara ini tahun lalu supaya isu air tidak dipolitikkan dan harus ditangani dengan bertanggungjawab oleh semua pihak," katanya.

Mohamed Azmin berkata demikian selepas menghadiri Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keenam, Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-13, di sini, pada 26 Mac lalu.

Katanya, dalam titah uca-

pan perasmian pembukaan persidangan DNS itu, Sultan Sharafuddin turut mengulangi titah baginda supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkerjasama atas semangat federalisme untuk memuktamadkan isu pengurusan air, di Selangor.

Beliau berkata, pada masa sama, baginda juga amat berkenan dengan langkah proaktif diambil Kerajaan Negeri untuk menjamin kelestarian bekalan air, di negeri itu.

"Bukan sahaja air terawat tetapi juga air mentah dengan pembinaan loji rawatan air, penggantian paip lama dan pengurangan air tidak berhasil (NRW). Semua ini, membuktikan Kerajaan Negeri berpandangan jauh untuk tidak mengganggu bekalan air terawat dan air mentah, dalam Selangor," katanya.



Jika ada pihak cuba gagalkan penyelesaian tanah

# Peneroka Ijok sedia bertindak



**Jawatankuasa Bertindak Rancangan Revolusi Hijau Bukit Cherakah peringkat 2 dan 3 Mukim Ijok ketika sidang media di Bangunan Annex, pada 27 Mac lalu**

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Jawatankuasa Bertindak Rancangan Revolusi Hijau Bukit Cherakah peringkat 2 dan 3 Mukim Ijok bersedia mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang cuba menggagalkan usaha penyelesaian tanah yang sudah berlarutan, hampir 20 tahun itu.

Pengerusi Ahli Jawatankuasa, Umar Ali Bashah berkata, sebagai peneroka pihaknya bersyukur atas kejayaan Kerajaan Negeri kini menyelesaikan kemerlutan panjang yang ditinggalkan sejak era pemerintahan Barisan Nasional (BN) walaupun dijanjikan pelbagai imbuhan dan akhirnya gagal ditunaikan.

"Kita akan ambil tindakan kepada mana-mana pihak yang

cuba menghalang usaha penyelesaian yang sedang dilakukan ini.

"Kita perlu bersyukur dan berterima kasih kerana Kerajaan Negeri kini menyelesaikan masalah itu. Setakat ini, 863 orang sudah menandatangani perjanjian daripada jumlah keseluruhan 987 peneroka.

"Seramai 358 peneroka sudah meninggal dunia tetapi isu ini masih belum diselesaikan sebelum ini.

"Pemaju sudah berjanji rumah akan siap, dalam tempoh 24 bulan. Sekarang sudah dua bulan dan kita nampak tiang rumah sudah dinaikkan, maka hanya perlu tunggu 22 bulan.

"Jika tak disiapkan, kita akan kejar pemaju baru sehingga selesai sepenuhnya," katanya pada

sidang media, di Lobi Bangunan Annex, di sini, pada 27 Mac lalu.

Umar berkata, pihaknya masih belum melihat senarai 113 peneroka yang didakwa teraniaya seperti dilaporkan media mutakhir ini sama ada status mereka masih peneroka sah atau sudah hilang kelayakan.

Penyelesaian dikemukakan kepada Kerajaan Negeri menyaksikan setiap peneroka menerima wang tunai RM180,000 dan membina rumah bernilai sehingga RM500,000.

Ia bermakna peneroka memperoleh sehingga RM680,000 dalam bentuk tunai dan aset berbanding tawaran ketika zaman Tan Sri Abu Hassan Omar berjumlah RM360,000 yang tidak ditunaikan.

## Tak perlu layan 'drama' FAS

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri enggan melayan 'drama' Persatuan Bola Sepak Negeri Selangor (FAS) yang tidak mahu berunding bagi menyelesaikan isu penggunaan Stadium Shah Alam walaupun pintu rundingan sudah dibuka seluasnya.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, berdasarkan surat terbaru diterima daripada Setiausaha Agung FAS, mereka menyatakan keinginan bertemu beliau.

"Saya sudah jelaskan senarai panjang sikap mereka terhadap Sultan Selangor Cup, mereka gagal menghantar pasukan walaupun diberikan pelepasan. Mereka gagal memberikan maklum balas kepada Kerajaan Negeri.

"Akhirnya, bila kita buka pintu rundingan, surat terbaru yang saya terima daripada Setiausaha Agung FAS, tak nak berjumpa dengan saya.

"Jadi, isunya adalah mereka menggunakan ia sebagai modal politik, serang dan jadikan agenda memburukkan Kerajaan Negeri. Kita ada pelan sendiri untuk membangunkan bola sepak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi jawab lisan terhadap soalan tambahan dikemukakan Ahli Dewan Negeri Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi, ketika sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 27 Mac lalu.

Katanya, sepanjang 2017, FAS tidak menghantar surat permohonan untuk menggunakan Stadium Shah Alam tetapi hanya berbuat demikian pada penghujung tahun, namun enggan bertemu beliau sebaliknya hanya mahu berbincang dengan Dato' Menteri Besar sahaja walaupun surat perbincangan sudah dihantar.

Beliau berkata, Stadium Shah Alam tidak berhadapan



masalah pendapatan walau pun tidak digunakan Red Giants kerana mempunyai dua sektor pendapatan utama.

Menerusi sewa tapak kereta, sebanyak RM971,000 berjaya dikutip bagi tahun 2015, RM1.4 juta (2016) dan RM1.093 juta (2017).

Bagi pendapatan menerusi sewa stadium, tahun 2015 mencatatkan pendapatan berjumlah RM2.08 juta, RM2.42 juta (2016) dan RM1.9 juta (2017).

"Daripada segi fakta, saya tunjukkan, pada 2017 kita tidak memberikan peluang kepada Red Giants, dan kutipannya jauh lebih besar hampir RM2.7 juta berbanding RM2.4 juta, pada 2016.

"Namun, masih ada baki RM700,000 yang belum dikutip daripada Majlis Sukan Negara iaitu sewaan ketika Sukan SEA (Kuala Lumpur 2017) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mencatatkan jumlah RM2.7 juta, bagi tahun 2017," katanya.

Beliau berkata, pemilihan Darul Ehsan Facilities Management Sdn Berhad (DEFM) dibuat berdasarkan daripada permohonan mereka kerana pengalaman menguruskan Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor dengan kejayaan penjimatan kewangan berjumlah RM4 juta.

## Prasarana kondusif jana pelaburan baru

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri komited menyediakan prasarana pelaburan yang kondusif kepada pelabur untuk terus dikembangkan atau menjana pelaburan baru di Selangor menerusi konsep mesra pelabur.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim berkata, pelabur di negeri itu juga sentiasa disantuni melalui program lawatan kilang yang dilaksanakan oleh Invest Selangor.

Katanya, objektif lawatan

terbabit bertujuan mewujudkan hubungan erat antara Kerajaan Negeri dengan pelabur yang beroperasi, di Selangor.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga dapat meninjau permasalahan yang dihadapi oleh pelabur dan membantu untuk menyelesaikannya.

"Kerajaan Negeri turut menyediakan kawasan perindustrian yang lebih selesa, selamat dan lebih terurus melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mewujudkan Industrial

Park Management Committee (IPMC) sebelum ini bagi membincang serta menyelesaikan isu penyelenggaraan kawasan perindustrian yang dihadapi pelabur," katanya menjawab pertanyaan Loh Chee Heng, ADN Telok Datok.

Pada masa sama, Chang Khim berkata, Kerajaan Negeri giat melaksanakan cadangan pembangunan kawasan perindustrian berkonseptan Managed Industrial Park (MIP) sebagai langkah penjenamaan semula

kawasan perindustrian baru yang dibangunkan bagi meningkatkan prestasi pelaburan.

Terdahulu, Central Spectrum Sdn Bhd (CSSB) diberi tanggungjawab untuk mempromosi Pulau Indah Industrial Park (PIIP) yang berkONSEPTAN MIP, Gated and Guarded, berkonseptan hijau serta lengkap dengan laluan berbasikal sepanjang 20 kilometer.

PIIP meliputi keluasan 3,500 ekar dan dijangka menjana nilai pelaburan RM15 bilion,

dalam tempoh 20 tahun.

Fasa 3 sedang dibangunkan meliputi 800 ekar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.2 bilion.

MIP diwujudkan bagi menangani masalah penyelenggaraan kawasan perindustrian, menyediakan lokasi pelaburan dengan kemudahan infra yang lebih baik, mempromosikan pembangunan kawasan perindustrian luar bandar dan mengurangkan beban dan tanggungan PBT.

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Pembentangan Rang Undang-Undang bertujuan meminda Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 pada persidangan Dewan Negeri penggal ini mendapat perkenan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, pindaan dibuat kepada enakmen itu se- laras dengan pindaan kepada Akta 313 yang akan dibentangkan, di Parlimen kelak.

Titah baginda, pindaan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 itu akan menge- nakan hukuman lebih berat kepada penceroboh hutan, di Selangor.

"Bagi Selangor, Akta Perhutanan Negara diterima pakai melalui Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 yang berkuatkuasa, pada 2 Jun 1986.

"Pindaan ini membuktikan komimen serius Kerajaan Negeri dalam memelihara hutan, di Selangor," titah baginda.

Baginda bertitah demikian di Istiadat Pembukaan Persida- ngan Penggal Keenam Dewan Negeri ke-13, di Dewan Annexe, di sini, pada 26 Mac lalu.

Titah baginda, usaha dilaksanakan itu menjamin generasi akan datang mewarisi lingku- ngan yang sihat dan mengekal- kan Hutan Simpanan Kekal

## Enakmen Akta Perhutanan Negara 1985

# Sultan Sharafuddin perkenan pindaan



(HSK) sebagai asset serta khaza- nah amat bernilai.

Baginda mahu Selangor menjadi perintis sebagai negeri hijau yang mengekalkan hutan sim- pan juga memelihara flora dan

fauna.

"Beta amat berkenan dengan tindakan serius Kerajaan Negeri demi memelihara hutan di Se- langor dan mencegah sebarang bentuk aktiviti serta pencerobo-

han yang boleh mencemar alam sekitar, pada masa akan datang.

"Beta sentiasa mengambil be- rat berkenaan alam sekitar dan kelestarian HSK," titah baginda.

Pada masa sama, baginda

menyarankan Kerajaan Negeri untuk terus menjayakan pro- gram tanam pokok yang mam- pu menangani cabaran peruba- han iklim, pemanasan global dan pelepasan karbon.

## ACTIV8 SMART SELANGOR BANGUN KOMUNITI

**I**ltizam Smart Selangor yang dibina berasaskan denyut nadi rakyat Se- langor sudah melalui dua tahun yang amat produktif sejak mula diperkenal pada akhir 2015 dengan menyediakan pel- bagi inisiatif yang mem- beri kesan dan memudahkan kehidupan warga Selangor.

Dari awal peran- ngan pembangunan agen- da Smart Selangor, rakyat sudah dibabitkan secara langsung melalui proses kon- sultasi dan maklum balas secara me- luas. Kini, de- naga- asas yang sudah terbina, Smart Selangor akan terus meng- garap harap- an rakyat



dengan inisiatif yang memberdaya rakyat melalui inisiatif Activ8 Smart Selangor.

Activ8 Smart Selangor adalah satu us-aha mempergiatkan aktiviti mem- bangunkan komu-niti menerusi program khidmat masyarakat dan crowdsourcing.

Ketika upacara perasmian program Activ8 Smart Selangor, Pengarah Smart Selangor Delivery Unit, Raja Shahreen Raja Othman ber- kata, program Activ8 Smart Selangor berupaya menggalak- kan rakyat Selangor untuk menjadi ejen perubahan, di negeri itu.

"Masyarakat Selangor yang cemer- lang, maju dan berdaya saing adalah aset berkualiti kepada negeri di dalam usaha pembangunan jangka masa panjang," ka- tanya

Dengan lebih 600 ahli yang berdaftar sebagai sukarelawan Activ8 Smart Selan- gor, Pengurus Projeknya, Azemah Has-

san, percaya bahawa ia mempun- yai kuasa menyatupadukan rakyat ke arah mencapai visi menjadikan Selangor Smart State terunggul di ASE- AN, pada tahun 2025.

"Respon yang kita perolehi daripada program ini amat menggalakkan walau- pun baru tiga minggu dilancarkan dan ini membuktikan bahawa usaha Smart Selan-



gor semakin dikenali oleh rakyat selain mereka juga berminat un- tuk turut serta dalam usaha yang dirancang," katanya.

Activ8 Smart Selangor juga suatu manifestasi kolaborasi dan co-cre- ation di antara *smart citizens* dan *smart government* yang dibing- kaikan di bawah falsafah pemban-

gunan Smart Selangor supaya misi *Smart State* lebih komprehensif dan terus berpaksikan rakyat.

Bagi mereka yang berminat untuk menjadi sukarelawan Activ8 Smart Selangor, sila lawati laman Facebook Smart Selangor ([www.facebook.com/smartselangor](http://www.facebook.com/smartselangor)) dan mendaftarkan diri secara dalam talian.

## Anugerah Pemasaran Laluan Asia 2018

# KLIA terima pengiktirafan

**KUALA LUMPUR** - Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dipilih sebagai pemenang Anugerah Pemasaran Laluan Asia 2018 untuk kategori keseluruhan dan kategori 'Lebih 20 Juta Penumpang' menewaskan hab lain, di rantau ini.

Pengarah Urusan MAHB, Datuk Badlisham Ghazali berkata, anugerah tahunan itu dianggap sebagai penghargaan tertinggi pembangunan laluan dan industri penerbangan kerana mereka diundi dan diadili komuniti perancangan rangkaian syarikat penerbangan.

Katanya, ia mengiktiraf perkhidmatan pemasaran cemerlang yang menyokong pelancaran

laluan udara baharu atau pembangunan perkhidmatan sedia ada.

"MAHB sangat berinovasi dalam mewujudkan strategi pemasaran syarikat untuk mempromosi destinasi dikehendaki.

"Malaysia Airports juga mengadakan beberapa misi ke Eropah, ASEAN, Asia Selatan, India dan China untuk bertemu lebih 30 syarikat penerbangan bagi memasarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagai hab yang berkembang pesat," katanya dalam kenyataan.

Sebagai pemenang keseluruhan, KLIA akan disenarai pendek secara automatik untuk A-

nugerah Pemasaran Laluan Dunia di Guangzhou, pada September.

Malaysia Airports adalah satu daripada kumpulan pengendali lapangan terbang terbesar, di dunia dari segi jumlah penumpang dan mengendalikan 39 lapangan terbang, di Malaysia serta satu lapangan terbang antarabangsa, di Istanbul.

Pada 2017, sembilan syarikat penerbangan baru terbang ke Kuala Lumpur dan 25 laluan baru dilancarkan, sementara keseluruhan lalu lintas penumpang meningkat 11.2 peratus kepada 58.6 juta juga tambahan 30,535 pergerakan pesawat komersil dicatatkan, menjadikannya 386,054 pergerakan.



Sumber foto: Kosmoonline

## KPDNKK rampas mainan tanpa pematuhan

**SHAH ALAM** - Sebanyak 4,137 mainan pelbagai jenis bernilai RM34,555 dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Komersi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam serbuan di sebuah premis menjual mainan, di Mutiara Damansara, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa, Azman Adam berkata, premis yang disabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun bagi individu, manakala bagi syarikat pula denda RM250,000 untuk kesalahan pertama dan RM500,000 bagi kesalahan kali kedua.

"Kita mendapati pelakat pematuhan standard (MC) pada setiap mainan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Selain itu, hampir 80 peratus daripada barang mainan yang dijual juga mempunyai nombor siri sama," katanya.

lapor BERNAMA.

Azman berkata, pihaknya melaksanakan serbuan itu ekoran aduan orang ramai berhubung mainan yang dijual disyaki tidak mematuhi MC ditetapkan.

Katanya, setiap mainan yang dijual perlu dilekatkan logo MC sebagai bukti produk terbabit selamat digunakan oleh kanak-kanak.

"Pengeluar, pengimport atau pembungkus semula mainan dikehendaki menguji produk itu terlebih dahulu di mana-mana makmal yang diakreditasi sebelum dipasarkan.

"Jika gagal berbuat demikian, mereka boleh disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Perlindungan Pengguna 1999 kerana membekal atau menawarkan apa-apa barang atau perkhidmatan yang tidak mematuhi standard keselamatan mana-mana pihak.

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) disaran bertindak mengikut standard tertinggi bagi membuktikan agensi itu berkredibiliti dalam mencegah rasuah tanpa menyebelahi mana-mana pihak.

Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Dato' Menteri Besar, Yin Shao Loong berkata, kejatuhan Malaysia dalam kedudukan Indeks Persepsi Rasuah Antara bangsa daripada tangga 55 ke 62, tahun lalu jelas menunjukkan agensi pencegah rasuah negara lemah.

"Bagi membolehkan tindakan mereka itu berkredibiliti, maka agensi pencegah rasuah perlu bertindak bebas tanpa rasa takut dan menyebelahi mana-mana pihak.

"Mereka perlu diketuai individu berintegriti tinggi dan bebas daripada pengaruh perdana menteri serta badan eksekutif kerajaan," katanya dalam kenyataaan.

Selain itu, katanya, tugas dan tindakan berkredibiliti oleh agensi pencegah rasuah juga tidak seharusnya berlandaskan agenda politik.

Katanya, kegagalan mematuhi standard integriti menyebabkan berlakunya krisis keyakinan dan menjadikan persepsi rasuah.

"Selaku kerajaan yang dipilih atas tiket anti rasuah, maka Kerajaan PAKATAN Selangor menglukan sebarang usaha memerangi rasuah," katanya.

Pada masa sama, Shao Loong berkata, Kerajaan Negeri tidak

## Lagi 10,000 pengundi Selangor failkkan bantahan

**PETALING JAYA** - Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0) bersama pengundi dan pihak berkepentingan di Selangor memfailkan dua lagi kes baru di mahkamah bagi mencabar proses persempanahan semula yang masih berlangsung.

Dua kes itu membabitkan permohonan Ivy Josiah bersama tiga lagi pemohon menentang Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang difailkan pada 8 Mac lalu iaitu sebelum SPR menyeraikan laporan akhir kepada Perdana Menteri.

Pemangku Pengurus Bersih 2.0, Shahrul Aman Mohd Saari berkata, setiap pemohon adalah wakil lebih 100 pengundi yang mengemukakan representasi bantahan kepada SPR ketika pameran Syor Kedua Persempanahan Semula Selangor, pada 15 Januari hingga 14 Februari lalu.

"Kes ini dibawa bersama

lebih 10,000 pengundi di Selangor dari 11 kawasan pilihan raya Parlimen dan 17 kawasan

pilihan raya Dewan Undangan Negeri," katanya.

Katanya, kes itu difailkan kerana SPR didakwa gagal mengadakan sesi siasatan tempatan walaupun mereka sudah menghantar representasi bantahan.

Shahrul Aman berkata, keengganan dan kegagalan SPR mengadakan siasatan awam untuk kumpulan pengundi terbabit adalah rekod terburuk juga terkini SPR.

"Mengapa mereka kini mahu menafikan hak asas 10,000 pengundi untuk didengar dengan sesi siasatan awam adalah hak yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Jadual Ke-13, Perlembagaan Persekutuan," katanya.

## Bertindak ikut standard tertinggi

**Bagi membolehkan tindakan mereka itu berkredibiliti, maka agensi pencegah rasuah perlu bertindak bebas tanpa rasa takut dan menyebelahi mana-mana pihak**

### **YIN SHAO LOONG**

Pengarah Komunikasi, Strategik Pejabat Dato' Menteri Besar

terbabit sebagai pembeli atau penjual berkaitan penahanan enam individu oleh SPRM berhubung transaksi tanah antara swasta dengan swasta di Ijok.



Usaha kurang pencemaran udara

## Paris hasrat tawar pengangkutan awam percuma

**PARIS** - Datuk Bandar Paris menimbang untuk menjadikan semua pengangkutan awam, di ibu kota itu percuma dalam usaha mengurangkan pencemaran udara.

Anne Hidalgo mengumumkan rancangan kajian kebolehlaksanaan pengangkutan percuma itu baru-baru ini dan memaklumkan mahu berdebat isu itu sebelum pilihan raya perbandaran, pada 2020.

Beliau berkata, semua bandar besar dunia cuba membangunkan pengangkutan bersih dan meningkatkan kualiti udara dengan mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya, selaras matlamat menjadikan pengangkutan awam lebih menarik.

"Untuk memperbaiki pengangkutan awam, kita bukan saji perlu menjadikannya lebih meluas, kerap dan selesa,

namun turut memikirkan semula sistem tambang," katanya lapor REUTERS.

Namun, ahli politik konservatif, Valerie Pecresse merangkap ketua wilayah Ile-de-France dan presiden pihak berkuasa pengangkutan kawasan (IDFM) menolak cadangan Hidalgo dengan mendakwa langkah itu menyebabkan pembayar cukai perlu menampungnya.

"Keutamaan kita hari ini ialah memodenkan pengangkutan. Jualan tiket membawa hasil tiga bilion euro (RM14.42 bilion) setahun dan kita memerlukan wang itu," kata Pecresse kepada Radio Classique.

Pecresse yang mungkin mencabar Hidalgo dalam undian Datuk Bandar pada 2020 berkata, pengangkutan percuma kepada penduduk ibu kota itu sahaja tidak adil kerana tidak dapat dinikmati penduduk pinggir bandar.

## Zuckerberg janji tingkat keselamatan Facebook

**SAN FRANCISCO** - Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif Facebook, Mark Zuckerberg memberi jaminan untuk memperbaiki masalah yang melanda rangkaian media sosial itu, susulan skandal 'penggodaman' data peribadi jutaan penggunanya.

Zuckerberg dalam kenyataan turut mengumumkan langkah terbaru menangani isu kecurian data oleh pihak luar atau aplikasi milik pihak ketiga, dengan menyediakan butang khas bagi membolehkan pengguna melindungi maklumat peribadi mereka.

"Kami mempunyai tanggungjawab melindungi data peribadi anda dan jika kami gagal berbuat demikian, maka kami tidak layak berkhidmat untuk anda," katanya.

Kenyataan itu bagi mengulas penyalahgunaan data pengguna Facebook oleh firma perunding Britain yang dikaitkan dengan kempen pilihan raya

2016 Presiden Donald Trump.

Zuckerberg berkata, pendekatan itu sudah diwujudkan sejak 2014 bagi mengelak berlakunya penyalahgunaan yang didedahkan, baru-baru ini.

"Kami mengakui turut melakukan kesilapan, lebih banyak perkara yang perlu dilakukan atau memperbaiki dan melaksanakannya dengan segera," katanya.

Baru-baru ini, firma perunding data Britain, Cambridge Analytica (CA) di-dedah menyediakan laporan profil psikologi 50 juta pengguna Facebook menerusi aplikasi ramalan personaliti yang dihasilkan penyelidik dikenali sebagai Aleksandr Kogan.

Aplikasi berkenaan turut dimuat turun kira-kira 270,000 pengguna, tanpa menyedari mereka turut mengambil sdata rakan mereka secara tidak sengaja kerana ketika itu peraturan Facebook membenarkan ia berlaku.

The poster features a large red banner at the top with '2018' and a blue banner below it with 'PESTA BUKU SELANGOR'. To the right is a red cloud-like shape containing the text 'MEMBACA mencetus KREATIVITI'. Below this, the event details are listed: '29 MAC - 8 APRIL 2018' and '10 PAGI - 9 MALAM (ISNIN - KHAMIS)' followed by '10 PAGI - 11 MALAM (JUMAAT - AHAD)'. The location is 'PUSAT KONVENTSYEN SHAH ALAM (SACC CONVEC)'. At the bottom left, there's a cartoon illustration of a man with a large belly and glasses, pointing upwards. To his right is a woman wearing a hijab. A large RM500 Wang Tunai (Cash Prize) is prominently displayed, along with the word 'CONTOH' (example). A speech bubble at the bottom right states: 'Peserta layak menyertai cabutan bertuah dengan pembelian bernilai RM30 ke atas di Pesta Buku Selangor 2018. Cabutan bertuah akan dilakukan setiap hari pada pukul 6.30 petang dan 8.30 malam'. The poster also includes logos for various sponsors like PPAS, HARILMU, SACC, and Bloomsbury.

Utuh depani cabaran

# Kekal pelaburan proaktif

OLEH NORHAYATI UMOR

**KUALA LUMPUR** - Selangor terus mendepani cabaran global, sekali gus proaktif melaksanakan pelbagai pelan dasar, induk, serta tindakan ke arah merealisasikan hasrat menjadi hab perdagangan global.

Exco Pelaburan, Perindustrian Industri Kecil Sederhana (IKS), Perdagangan dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim berkata, dalam perkembangan se-rantau dan global, inisiatif One Belt One Road adalah keperluan yang tidak boleh diabaikan.

"Bagi menghadapi gelombang baru, Selangor memilih untuk menjadi proaktif bukan pasif yang hanya menunggu gelombang baru ini. Oleh itu, kita melaksanakan pelbagai dasar, pelan induk, tindakan dan inisiatif mendepaninya.

## Invest Selangor sasar pelaburan RM12 bilion

**KUALA LUMPUR** - Agensi penggalak pelaburan negeri, Invest Selangor Berhad menyasarkan pelaburan keseluruhan RM12 bilion pada tahun ini, terutama daripada sektor perkhidmatan dan perkilangan.

Daripada jumlah itu, pelaburan RM7 bilion dijangka datang daripada sektor perkilangan merangkumi pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung domestik, manakala RM5 bilion pula daripada sektor perkhidmatan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Hasan Azhari Idris berkata, daripada sasaran itu, RM1.8 bilion sudah diperolehi daripada misi perdagangan Invest Selangor ke Jepun, pada Januari lalu.

Katanya, pihaknya mempunyai permulaan baik daripada misi lawatan pelaburan ke Jepun membabitkan syarikat dalam sektor logistik, pembungkusan, jentera dan aerangkasa.

"Kami berharap tahun ini kita dapat meningkatkan perolehan pelaburan lebih tinggi berbanding tahun lalu.



**Kami berharap tahun ini kita dapat meningkatkan perolehan pelaburan lebih tinggi berbanding tahun lalu**

**HASAN AZHARI IDRIS**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Invest Selangor Berhad

sung dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan bernilai RM4 bilion, terutama daripada peruncit perabot terbesar di dunia, IKEA, dengan penubuhan sebuah pusat rantaian bekalan di Pulau Indah, bernilai RM908 juta.

Selangor turut muncul pada kedudukan tertinggi, di Malaysia menerusi jumlah perkilangan diluluskan iaitu 202 projek berbanding negeri lain, sekali gus mencipta lebih 10,000 peluang pekerjaan.

Tahun lalu, Selangor menarik RM5.59 bilion pelaburan lang-

"Untuk merealisasikan hasrat sebagai hab perdagangan global, salah satu inisiatif dilaksanakan ialah Selangor International Business Summit (SIBS) 2018 yang akan diadakan, pada September ini," katanya.

Chang Khim berkata, dengan rekod pencapaian yang menyumbang 22.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK) pada 2016, Selangor mengatasi kemakmuran, kepelbagaian ekonomi dan daya tahan sesebuah negeri.

"Ini mengiktiraf dan meletakkan Selangor sebagai pintu gerbang ASEAN, sekali gus memudahkan perdagangan dan pertumbuhan di seluruh rantau ini.

"Sebagai pintu gerbang ASEAN dan hab perdagangan global, Selangor adalah titik pusat penting bagi perniagaan domestik



**Chang Khim (tengah) ketika Majlis Pelancaran SIBS, di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MiTEC), di sini, pada 19 Mac lalu**

dan antarabangsa yang ingin membina atau mengukuhkan kehadiran pelabur, di ASEAN," katanya.

Beliau turut mengajak pelabur

untuk bekerjasama dan bersatu untuk terus kukuh serta berdaya saing di arena global.

"Seperti yang diketahui, landskap ekonomi global berubah

dengan pesat dan kita semua bertanggungjawab memastikan negara ASEAN bekerjasama sebagai satu komuniti dan menyokong satu sama lain," katanya.

## SIBS 2018 kembali

**KUALA LUMPUR** - Invest Selangor Berhad terus komited memacu pelaburan tempatan dan asing ke Selangor dalam pelbagai industri.

Salah satu usahanya ialah menerusi pengajuran Selangor International Business Summit (SIBS) 2018 yang bakal diadakan, pada 6 hingga 16 September ini, di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MiTEC), Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Hasan Azhari Idris berkata, menerusi pengajurannya, SIBS mampu menjadi landasan strategik untuk pemasaran, kerjasama dan perkongsian serta maklumat berkenaan perkembangan teknologi terkini, di seluruh dunia.

"Kami berbesar hati mengan-

jurkan edisi kedua yang juga salah satu kejayaan luar biasa bagi kita semua.

"Kami berhasrat menjana peluang perniagaan yang saling menguntungkan bukan sahaja untuk Selangor atau Malaysia tetapi juga komuniti setempat," katanya pada Majlis Pelancaran SIBS, di MiTEC, di sini.

Sementara itu, Exco Pelaburan, Perindustrian Industri Kecil Sederhana (IKS), Perdagangan dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim berkata, SIBS mewujudkan landasan bagi syarikat multinasional tempatan dan asing, perusahaan kecil dan sederhana serta usahawan memperkenalkan produk juga perkhidmatan mereka.

Terdahulu, SIBS 2018 dijangka mencatatkan urusniaga bernilai RM250 juta, kira-kira 20

peratus lebih banyak daripada jumlah dicapai tahun lalu.

Sidang kemuncak akan datang itu dijangka menempatkan 1,000 gerai dan menampung antara 23,000 hingga 25,000 pelawat, peningkatan dari 691 gerai dan 22,071 pengunjung.

Agensi Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada sektor makanan dan minuman untuk acara akan datang termasuk produk juga perkhidmatan halal, teknologi makanan, sains makanan serta perkhidmatan makanan.

Sembilan organisasi sokongan berjanji menjadi sebahagian daripada sidang kemuncak termasuk Persekutuan Pengilang Malaysia, Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia, dan Persatuan Rangkaian Malaysia.

## Industri makanan dan minuman jadi tumpuan

**KUALA LUMPUR** - Industri makanan dan minuman (F&B) akan menjadi tumpuan bagi persidangan Selangor International Business Summit 2018 yang bakal diadakan, pada 6 hingga 16 September ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad, Dato' Hasan Azhari Idris berkata, ia merangkumi teknologi makanan, perkhidmatan makanan, sains makanan dan segmen halal.

Katanya, sektor makanan dan

minuman dipilih tahun ini kerana industri itu menyumbang kepada kekuatan negeri juga negara.

"Produk Malaysia paling laris di China adalah daripada F&B, justeru ia menjadi keutamaan pada persidangan kali ini," katanya.

Hasan berkata, F&B adalah salah satu tiang pelaburan di Selangor bersama sains hayat, jentera dan peralatan, sektor elektrik dan elektronik serta peralatan pengangkutan.

SIBS 2018 akan menampilkan program perniagaan membabitkan kerjasama 20 organisasi perniagaan dan pemain industri.

Selangor yang digelar sebagai negeri emas Malaysia, kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara pada tahun 2016, dengan bahagian 22.7 peratus, Kuala Lumpur (15.3%), Sarawak (9.8%), Johor (9.4%), Pulau Pinang (6.7%) dan Sabah (6.7%).

**KOTA PUTERI**

**198 Unit RUMAH BANDAR**  
Seksyen 5, Kota Puteri  
Dari 992 KPS



## PENAWARAN TERBUKA RUMAH SELANGORKU

Tarikh Ambil Borang:  
**21 - 30 Mac 2018**

Masa:  
**9.00 pg. - 4.00 ptg.**

Tempat:  
**Blok B, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat PKNS,  
Seksyen 14, 40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.**

Tarikh Pemulangan Borang dan Dokumen Lengkap:  
**31 Mac 2018**

Masa:  
**9.00 pg. - 4.00 ptg.**

Tempat:  
**Blok B, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat PKNS,  
Seksyen 14, 40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.**

*Dokumen akan disemak oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)*

Harga dari  
**RM185,000**

**100% SIAP DIBINA**

**UNIT TERHAD**

**Syarat yang diperlukan adalah seperti berikut :**

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas
- Pendapatan seisi rumah tidak melebihi RM10,000.00
- Permohonan ( suami / isteri ) tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor. Permohonan bujang yang mempunyai tanggungjawab keluarga boleh memohon.
- Pembelian rumah untuk didiami dan bukan untuk disewa.

**Dokumen-dokumen yang perlu disertakan adalah seperti berikut :**

- Salinan Kad Pengenalan pemohon dan pasangan ( suami / isteri )
- Penyata KWSP terkini pemohon & pasangan

- Penyata CCRIS yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pemohon dan pasangan ( wajib ). \*( suami / isteri )
- Salinan surat nikah / sijil daftar nikah perkahwinan / surat cerai / surat kematian ( yang mana berkaitan )
- Surat pengesahan bujang dari majikan ( menggunakan letter head Jabatan / Syarikat / Cop Syarikat ) ATAU Surat Akuan Sumpah daripada Pesuruhanjaya Sumpah sekiranya belum berkahwin.
- Salinan penyata gaji TERKINI pemohon dan pasangan
- Sekiranya bekerja sendiri pemohon perlu mengemukakan ( Surat Akuan Sumpah daripada Pesuruhanjaya Sumpah )
- Persara hendaklah kemukakan kad pesara dan penyata pencen terkini pemohon atau pasangan. \*( suami / isteri )
- Sekiranya mempunyai pendapatan lain sila kemukakan penyata / baucer / resit bayaran atau surat akuan sumpah daripada Pesuruhanjaya Sumpah

017 380 9037 • 011 1429 3079 • 013 939 0310 • 013 342 1098 • 019 303 4342 • 013 323 2158 • 016 251 0113

54 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan... Merealisasi Impian



[www.pkns-property.com](http://www.pkns-property.com)

Laman Web:  
[ehartanah.lphs.gov.my](http://ehartanah.lphs.gov.my)



Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah, Blok B, Tingkat 3, Ibu Pejabat PKNS, No. 2 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor | Tel. no : 03-5525 0300 • No lesen pemaju : 9062-99/05-2019/0316(L) • Tarikh sah : 03/05/2017-02/05/2019 • No permit iklan & jualan : 9062-99/05-2019/0316(P) • Tarikh sah : 03/05/2017-02/05/2019 • Pihak berkusa yang meluluskan pelan bangunan : Majlis Perbandaran Selayang • No. kelulusan pelan : Bil(32)dlm.MPS.3/2-1371/1190(OSC3.0)PB/PIN(A) • Bertarikh : 21 November 2016 • Status hakmilik : Pajakan selama 99 tahun berakhir pada 4 Februari 2104 • Bebanan tanah : Tiada • Tarikh jangka siap : Jun 2017 • Jenis : Rumah Bandar 2 Tingkat • Bilangan unit : 198 • Harga minima : RM 185,000.00 Maksima : RM 197,000.00 • Sekatan-sekatan Kepentingan : Tanah yang diberi hakmilik tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindah milik melainkan dengan kebenaran pihak berkusa negeri.



01 ADN Bukit Lanjan, Elizabeth Wong menyempurnakan Perasmian Kejohanan Futsal Remaja Apartment Impian di DUN beliau

02 Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian menyerahterahkan sumbangan kerusi roda kepada penduduk memerlukan di kawasan beliau

03 ADN Paya Jaras, Khairuddin Othman menghadiri penyampaian hadiah kepada pelajar cemerlang sempena peperiksaan Penilaian Sijil Rendah Agama (PSRA) 2017 di DUN beliau

04 ADN Kinrara, Ng Sze Han merasmikan jambatan baharu khusus untuk kemudahan pejalanan kaki di DUN beliau

05 Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariyah Mahmud menyampaikan sumbangan keperluan asas kepada masyarakat setempat yang memerlukan di kawasan beliau



5

6

# KRONOLOGI PENYELESAIAN Tanah Peneroka Ijok



## 2016 PENYELESAIAN GLOBAL

Satu Perjanjian Penyelesaian Global Berjaya Dimeterai Untuk Menyelesaikan Kekalutan Ini

- Syarikat swasta menjual Alam Mutiara dan Alam Utama kepada Paragon Pinnacle Sdn. Bhd. dengan harga RM 1.18 billion
- Pembayaran wang tunai RM 180,000 terhadap 987 peneroka dan membina rumah bernilai sehingga RM 500,000
- Tanah Alam Perdana seluas 1,000 ekar diserahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri tanpa perlu membayar apa-apa kos tambahan

Selain daripada pembayaran tunai dan membina rumah untuk peneroka, hasil jualan itu digunakan untuk membayar pinjaman bank dan peminjam lain, maka semua kaveat, caj serta tuntutan yang dibuat atas Kerajaan Negeri bagi semua tanah seluas 3,200 ekar (Alam Perdana, Alam Mutiara & Alam Utama) akan ditarik balik.

## 2009 - 2012



- Kerajaan Negeri cuba ambil alih tanah tersebut tetapi diterang syarikat, bank dan syarikat insurans menyebabkan kerajaan negeri berhadapan lebih 30 saman dengan kos sekurang-kurangnya RM 4.4 billion
- Kerajaan Negeri ambil alih tanah Alam Perdana 1000 ekar dengan tuntutan pampasan RM 860 juta
- Alam Mutiara & Alam Utama gagal diambil alih selepas syarikat dapat perintah mahkamah untuk menghalang pengambilalihan oleh Kerajaan Negeri

## 2002 - 2007

- Di antara tahun ini syarikat kroni BN telah menerima ratusan juta ringgit dengan menggadai tanah-tanah kepada bank, insurans dan peminjam lain.



## 1979

Sebelum 1998, Kerajaan Negeri mewujudkan Rancangan Revolusi Hijau (RRH)

- RRH1 Alam Perdana (1,000 ekar)
- RRH2 Alam Mutiara
- RRH3 Alam Utama } (2,200 ekar)
- Ia bertujuan untuk membantu dan menaik taraf ekonomi para peneroka.
- Agen pelaksana adalah PKPS.

## 1998/1999

Pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional memberi tanah tersebut kepada kroni BN.



- Hak milik RRH 1, 2 & 3 dipindah kepada syarikat kroni BN yang ahli-ahli pengarahnya adalah ADUN UMNO.

Para peneroka dijanjikan:



RM180,000 + RM180,000

Para syarikat dijanjikan:



Pemberimilikan tanah-tanah

- Malangnya pihak syarikat menggadaikan tanah kepada beberapa bank lain

## Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)

# 37,626 kanak-kanak terima pendidikan awal



OLEH SABIRAH AZIZ

Pembangunan pendidikan di Selangor kian berkembang di bawah pelaksanaan Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) yang berjaya membantu 37,626 penerima sejak dilaksanakan, pada Julai 2012.

Skim itu menyalurkan bantuan subsidi RM50 setiap bulan dalam bentuk yuran yang disalurkan terus kepada tadika atau PASTI berdaftar dengan Majlis Perwakilan Tadika Selangor.

Peruntukan itu akan diberikan kepada kanak-kanak yang mempunyai keluarga berpendapatan bawah RM3,000 bagi seisi keluarga dengan syarat ibu, bapa dan anak lahir atau tinggal, di Selangor.

Melalui skim berkenaan, ia mensasarkan pemberian pendidikan dari tadika kepada kanak-kanak supaya mereka mendapat manfaat pendidikan awal demi masa hadapan yang lebih sempurna.

Ia juga selaras hasrat Kerajaan Negeri dalam merancakkan lagi pelan pembangunan pendidikan menerusi skim ini yang menuju sasaran kepada pendidikan kanak-kanak tadika, di Selangor.

### Kepentingan pendidikan awal kanak-kanak

Sepanjang pelaksanaan skim ini, sejumlah RM19 juta bantuan pembayaran yuran sudah disalurkan kepada seluruh tadika atau PASTI yang berdaftar



**"Kerajaan Negeri berharap setiap anak yang lahir di Selangor menerima pendidikan sebaik mungkin terutama pada peringkat awal. Inisiatif ini juga dilihat bakal memberi manfaat jangka panjang kepada keluarga berpendapatan sederhana seluruh negeri terutama penduduk, di kawasan luar bandar."**

**NIK NAZMI NIH  
AHMAD**  
Exco Pendidikan,  
Pembangunan Modal Insan,  
Sains, Teknologi dan Inovasi

di negeri itu mengikut daerah iaitu Klang dan Petaling antara kawasan yang mencatatkan nilai tertinggi. Berdasarkan jumlah berkenaan, ia menunjukkan Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius dalam perkembangan sektor pendidikan awal kanak-kanak

dari semua peringkat umur dengan memberi galakan sejak daripada kecil untuk menimba ilmu pengetahuan.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, peringkat pendidikan awal kanak-kanak perlu menjadi keutamaan seperti kata pepatah, melentur buluh biarlah daripada rebungnya.

"Kerajaan Negeri berharap setiap anak yang lahir di Selangor menerima pendidikan sebaik mungkin terutama pada peringkat awal. Inisiatif ini juga dilihat bakal memberi manfaat jangka panjang kepada keluarga berpendapatan sederhana seluruh negeri terutama penduduk, di kawasan luar bandar.

"Maka, ini adalah matlamat yang menjadi iltizam Kerajaan Negeri untuk terus menyediakan bantuan tadika kepada golongan keluarga berpendapatan rendah kerana kami tidak mahu ada anak yang ketinggalan untuk

mendapatkan pendidikan," katanya.

Nik Nazmi berkata, sejak 2016 bantuan TUNAS turut diselaras dengan meningkatkan kadar pendapatan penerima subsidi RM50 yang layak iaitu bagi keluarga berpendapatan bawah RM3,000.

### Terima 904 permohonan tadika/PASTI

Pendaftaran tadika dan PASTI di bawah skim ini juga menunjukkan peningkatan apabila menerima 904 permohonan dengan 804 daripadanya berjaya didaftarkan, manakala 23 dalam proses dan 74 masih dalam pemerhatian serta tiga lagi permohonan gagal.

Pegawai Eksekutif Rantaian Mesra Sdn Bhd Muhammad Fauzi

Noordin berkata, ia menunjukkan sambutan pusat pendidikan awal kanak-kanak di negeri itu turut berminat untuk menjadi sebahagian daripada pelaksanaan skim berkenaan.

"Masyarakat juga melihat TUNAS kini menjadi keperluan bukan lagi pilihan buat mereka pada masa kini yang berdepan kos sara hidup tinggi dengan pelbagai tanggungan.

"Dengan kewujudan skim ini, ia pasti dapat membantu golongan ibu bapa dalam menyediakan pendidikan awal buat anak secara percuma," katanya.

Beliau berkata, kesedaran ibu bapa terutama bagi golongan muda turut meningkat apabila mereka menjadi antara penyumbang kepada peningkatan pendaftaran, dari tahun ke tahun.

### Jumlah permohonan berjaya mengikut tahun:

Tahun	Jumlah
2012	1,347
2013	3,203
2014	6,916
2015	8,957
2016	9,232
2017	7,971
<b>Jumlah keseluruhan:</b> 37,626	

### Ringkasan pembayaran mengikut daerah (2012-2017)

Bil Daerah	Jumlah (RM)
1. Gombak	770,250.00
2. Hulu Langat	1,698,080.00
3. Hulu Selangor	1,030,820.00
4. Klang	5,399,647.00
5. Kuala Langat	2,186,035.00
6. Kuala Selangor	1,879,723.00
7. Petaling	2,965,525.00
8. Sabak Bernam	2,011,972.00
9. Sepang	1,062,230.00
<b>Jumlah keseluruhan:</b> 19,004,282.00	

### Permohonan tadika/pasti berdaftar (2012-2017)

Bil Tadika/PASTI	Status
1. 804	Berjaya
2. 23	Dalam proses
3. 74	Dalam pemerhatian
4. 3	Gagal
<b>Jumlah permohonan:</b> 904	

OLEH NURIMAS SN

**S**aya teruja sungguh hari ini. Ibu dan abah dah janji nak balik kampung. Nenek pun dah saya bagi tahu. Bukan main sukanya dia dengar saya dan keluarga nak balik. Sudah dua tahun kami tak balik beraya di kampung.

Kali ini abah dapat cuti panjang jadi kami balik awal. Sempatlah berpuasa seminggu di kampung nenek yang kuat dengan cara hidup tradisi. Saya tak ingat lain, melainkan makanannya yang pelbagai dan lazat-lazat itu. Satu sajalah rahsianya – nenek gunakan kaedah lama untuk buat kuih-muih dan makanannya.

Kami tiba menjelang waktu bebuka. Gembiranya hati bukan kepalang. Nenek awal-awal lagi turun tanah sambut kami. Aku kucup pipi nenek yang agak kedut tapi masih licin. Nenek dakap penuh kasih dan sayang, maklumlah cucu perempuannya.

"Nenek masak apa kat Noya hari ini?" Saya terus aju soalan yang lama terpendam. Dalam kepalaku terbayang senarai menu 'mengancam' yang nenek selalu hidangkan. Nenek tak pernah beli makanan macam orang sekarang. Semua dia masak sendiri. Biasanya dua tiga jenis juga.

Adat orang kampung ini, masa berbuka jarang makan nasi. Mereka makan juadah lain dulu seperti karipap, bubur candil, kolak ubi dan sebagainya. Kadang-kadang cendol pun nenek buat. Tapi yang paling saya mengidam ialah bubur sum sum. Hmm... menitik air liur bila bayangan lembut bubur sum sum nenek.

"Tak cakap awal, tak adalah nenek buat apa-apa," ujarnya. Saya cemberut, buat emoji comel, mengajak nenek bermanja dengan nenek. Nenek jemput kami naik. Pak Su dan anak-anaknya pula riuh menyambut kami. Nenek tinggal bersama Pak Su, Mak Su, Ila dan Mimi, anak-anak mereka yang hampir sebaya dengan saya. Kami berbual-bual bertanya khabar dan cerita masing-masing sementara ibu membantu nenek di dapur. Ada setengah jam lagi sebelum saya dapat jamah air tangan nenek.

Sampai masa berbuka. Lima enam je-



nis masakan nenek hidangkan. Mak Su pun pandai masak juga. Saya bilang-bilang, karipap putar, pengat keladi, air katira, ayam masak kicap, sayur bening pucuk paku dan kuih talam. Wah, sungguh menyelerakan! Tapi...erm, saya tak nampak pun bubur sum sum. Sedikit kecewa. Semua sudah menuap ke mulut masing-masing. Saya tidak tahu nak mulakan dengan apa? Nenek pandang saya sedari tadi.

"Makanlah Noya, tak suka dah masakan nenek?" usik nenek. Saya paling ke muka nenek sambil memuncungkan bibir. Nenek senyum. Nenek walaupun agak tua tapi masih manis mukanya. Geram saya tengok.

"Nenek tau lah, kangen bubur sum sum kan?" Saya angguk-angguk manja. Ibu dan abah jeling-jeling saja. Mereka memang tahu juadah nenek kegemaran saya.

"Tu lah, tak bagi tau nak balik. Bubur sum sum bukan boleh buat sepuluh minit," nenek tambah bumbu jengkel saya.

"Tak apa, hari ni makan pengat keladi dulu, esok nenek buat bubur sum sum," janji nenek. Saya menjerit kegirangan macam budak kecil. Lalu ambil kuih talam dan suap ke mulut nenek tanda terima kasih. Riuhan orang keliling lihat gelagat saya. Ha ha!

Saya rasa kuih talam nenek. Orang Jawa hidang kuih talam dengan bekas-bekas sekali. Lemak berkrim kuih talam nenek dengan aroma pandan asli menghuni hidung. Saya rasa pula pengat keladi minyak yang likat santannya. Memang terbaiklah masakan nenek. Walaupun bubur sum sum tak ada, tetapi menu hari ini memang sedap.

Apa lagi dengan air katira yang menyudahi diet saya, memang enak. Campuran pelbagai makanan seperti kurma dan kismis, susu, air mawar dan lain-lain cukup sebat. Saya jeling juga ayam masak kicap dan sayur bening pucuk

paku, yang akan jadi sasaran selepas solat maghrib atau terawih nanti.

Tepat jam 4 petang, nenek memulakan urusan dapurnya. Kali ini saya turun padang membantu nenek. Rasanya saya kena belajar buat sendiri makanan turun-temurun kegemaran saya itu. Iyalah mana tahu, nenek pun sudah tua, ibu dan abah memang tak tahu buat masakan ini, desis saya dalam hati.

"Bubur sum sum ni kena guna beras terbaik," nenek memulakan kerja. Dia ambil beras, mana yang ada bubuk nenek buang. Nenek letak dalam lesung kayu dan tumbuk perlahan-lahan dengan alu. Orang sekarang beli tepung beras siap di kedai saja, nenek tak.

"Biar Noya tumbuk, nek," saya pelawa tenaga. Nenek acu alu dan saya mula buat seperti yang nenek ajar. Usai beras ditumbuk, nenek ayak dengan penapis untuk pastikan tepung benar-benar bersih.

"Ha, tepung beras kena bancuh dengan santan kelapa dan sedikit garam," nenek tunjuk cara. Kelapa, nenek parut dan perah sendiri, bukan santan segera. Kemudian nenek panaskan di dapur. Saya tolong kacau apabila nenek sediakan kuahnya.

"Ni gula melaka, boleh guna juga gula merah. Campur gula pasir, air dan garam sedikit. Daun pandan ni untuk tambah harum," nenek bercerita macam chef selebriti pula. Mudah saya faham. Nenek tenggek adunan gula dan air atas dapur kompor. Aroma harum mula menjelajah pelipis hidung dan menggugah iman saya.

Lebih sejam juga kami siapkan juadah bubur sum sum. Kemudian Mak Su dan mama pula ambil giliran. Entah apa yang mereka nak masak, saya dah tak kisah. Bagi saya, ada satu ini pun dah cukup. Lama benar tak makan bubur sum sum nenek yang tidak kental sangat dan berasa di lidah. Menjelang

azan maghrib, saya dah tak sabar nak jamah bubur sum sum idaman. Lepas mandi, saya dengar bunyi riuh. Saya lihat Pak Su bergegas keluar. Saya menjerpa ke ruang dapur. Saya lihat abah nenek yang pucat lesi.

"Nenek! Abah, apa yang terjadi?" Saya bertelesku depan abah. Muka nenek saya belek-belek. Tiada respons. Dada nenek yang pipih pegun. Saya letak jari di hidung nenek. Tiada tanda-tanda pernafasan. Ya, Allah! Datang seorang lelaki bersama Pak Su. Saya kenal itu Dr Mushairi, jiran nenek. Dr Mushairi keluarkan stetoskop dan periksa nenek. Dia seakan-akan doktor peribadi nenek yang tahu sejarah sakit daddanya. Dia memang larang nenek berpuasa mulanya tapi nenek yang beriya.

Semua menanti penuh debaran. Hati saya luluh kerana hampir pasti apa yang berlaku. Saya ada sedikit pengetahuan tentang ilmu pernafasan. Air mata sudah jatuh meneruni pipi.

"Inalillahi wa inalillahi rojiun..." Dr Mushairi geleng kepala, mengesahkan kebimbangan saya. Suasana penuh dengan tangisan semua ahli keluarga saya. Nenek pergi sebelum azan maghrib bergema. Kata Mak Su, nenek rebah tiba-tiba ketika nak tumbuk sambal. Nenek cuba angkat lesung batu lalu jatuh ke lantai bersama tubuhnya. Ibu terkilan kerana belum banyak dibualkan dengan nenek, tiba-tiba takdir sampai tanpa terlewati barang sedikit.

Saya lihat bubur sum sum terakhir nenek tanpa selera ketika azan maghrib bergema. Hilang kangen saya terhadap bubur sum sum tapi kangen untuk menatap wajah nenek buat selama-lamanya. Air mata masih berbekas di pipi ketika malam kian merangkak sepi. Tidak lama kemudian, orang kampung datang berduyun-duyun mengimarahkan pemergian nenek di hujung Ramadan ini.

## Hujan Sengketa

Langit Rohingya berkerudung dengan hitam awan dan sang petir pula menyihir dalam seribu getir dan sengketa ini pula terukir dengan etnik bangsa yang luhur mahu disingkir.

Sengketa jatuh ke tanah meresap jiwa dengan keluh kesah nilai kemanusian telah diracik belah tanpa ada sekulimit rasa bersalah.

Rabb, hujan sengketa ini sanubari menjadi semakin bisu telunjuk semakin tunduk pada-Mu kupohon huraikanlah segala ikatan yang membenggu ummahmu Rohingya!

Ismail Hashim  
Seremban

Permasuhan The Queen's Commonwealth Canopy

# Hutan Simpan Raja Musa diiktiraf antarabangsa

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM**- Permasuhan Hutan Simpan Raja Musa di bawah inisiatif antarabangsa iaitu The Queen's Commonwealth Canopy (QCC) adalah satu lagi kejayaan besar dalam usaha berterusan memelihara hutan simpan, di Selangor.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Dato' Dr Mohd Puat Dahalan berkata, pengiktirafan daripada Istana Buckingham, United Kingdom, itu disampaikan kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia membuktikan kesungguhan Pihak Berkuasa Negeri Selangor dalam memelihara khazanah hutan yang sangat tinggi nilainya.

"Dengan pengiktirafan kepada usaha Malaysia dan Selangor ini, maka kita akan mengorak langkah lebih hebat selepas ini dalam melaksanakan pengurusan hutan secara berkekalan khususnya untuk Hutan Paya Gambut, di Selangor."

"Jabatan Perhutanan Negeri Selangor akan lebih bersemangat untuk melaksanakan pengurusan hutan secara berkekalan khususnya, di Selangor," katanya dalam temubual ekslusif bersama SelangorKini, di sini, baru-baru ini.

Surat permasyuhan bertarikh 22 September 2017 itu ditandatangani sendiri oleh Pembantu Setiausaha Sulit Ratu Eliza-



Dr Mohd Puat Dahalan

beth II, Samantha Cohen, membuktikan kejayaan Selangor dalam memelihara Hutan Simpan Raja Musa yang berkeluasan lebih daripada 23,000 hektar.

Selain Selangor, Hutan Paya Gambut turut terdapat di Sarawak, Sabah, Pahang, Terengganu dan Johor.

Permasyuhan ini juga turut menjadikan Hutan Simpan Raja Musa terpilih sebagai lokasi program Queen's Baton Relay (QBR) pada 18 Oktober 2017 sempena acara Sukan Komanwel 2018 yang bakal berlangsung, di Gold Coast, Australia.

## Daftar elak masalah

**SHAH ALAM** - Peminat aktiviti rekreasi luar yang ingin mendaki gunung di dalam hutan simpanan kekal dinasihatkan supaya mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pejabat Hutan Daerah yang berkaitan dan mendaftar di kaunter yang ditetap Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Semua puncak gunung yang terdapat di dalam hutan simpanan kekal di Selangor adalah hutan tertutup, maka tidak seorang dibenarkan memasuki hutan tertutup kecuali dengan Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal atau kebenaran tertentu seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 47, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

Pengunjung atau pendaki yang mendaftar akan memudahkan pihak jabatan mengawal selia dan mengenal pasti bilangan pengunjung atau pendaki yang memasuki hutan simpanan kekal serta memudahkan kawalan dan tindakan yang perlu diambil jika berlaku kecederaan, kehilangan juga kemalangan.

Pengarah Perhutanan Negeri, Dato' Dr Mohd Puat Dahalan berkata, pendaki boleh mendapatkan maklumat di laman sesawang Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang disediakan bagi tujuan terbabit atau menghubungi terus pejabat hutan

daerah yang berkaitan.

"Saya menasihatkan mereka supaya mendaftar di kaunter pendaftaran supaya kita mempunyai rekod kehadiran pengunjung selain untuk mengelakkan sebarang masalah jika berlaku kemalangan."

"Kumpulan pendaki perlu mengemukakan permohonan dua minggu lebih awal daripada cadangan tarikh mendaki supaya mereka juga boleh bersedia daripada segi fizikal, peralatan atau keperluan lain yang perlu dibawa," katanya.

Bercakap kepada SelangorKini dalam satu temubual ekslusif baru-baru ini, beliau berkata, jika berlaku sebarang kemalangan, maka pihak berkuasa yang menjalankan operasi mencari dan menyelamat akan menghubungi pihak Jabatan Perhutanan bagi mendapatkan maklumat terperinci berhubung pendaki yang terbabit untuk memudahkan perancangan operasi yang hendak dijalankan.

Katanya, pendaki dinasihatkan supaya dapat merancang aktiviti mereka secara teratur dan spesifik serta memastikan bilangan ahli di dalam sesuatu kumpulan tidak terlalu ramai di antara empat hingga tujuh orang bagi memudahkan kawalan keselamatan serta disarankan mendaki bersama jurupandu yang bertauliah juga berpengalaman.

## Berjaya kurangkan keluasan kebakaran hutan

**SHAH ALAM** - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor berjaya mengurangkan keluasan kebakaran hutan tidak melebihi 150 hektar setahun, sejak 2015 hingga 2017.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Dato' Dr Mohd Puat Dahalan berkata, pihaknya berjaya mengawal kebakaran hingga tidak melebihi 100 hektar bagi 2017 hasil pengurusan serta strategi kawalan kebakaran yang efisien bagi Hutan Paya Gambut, di Selangor Utara, Kuala Langat Utara dan Selatan.

Beliau berkata, pihaknya menggunakan pam air berkuasa tinggi untuk mengepam air yang disalurkan menerusi *High-Density Polyethylene Pipe Systems* (HDPE) ke kawasan berpotensi terbakar sepanjang lebih tiga kilometer.

"Di Hutan Simpan Selangor Utara, Raja Musa dan Sungai Karang yang terletak dalam daerah hutan Hulu Selangor, kita melakukan projek mengekal dan meningkatkan paras air tanah. Apabila paras air berjaya ditingkatkan pada paras normal, maka tanah gambut tidak terdedah kepada keke-

ringan melampau dan berupaya mengekalkan kelembapan, pada tahap optimum.

"Kita menggunakan piezometer bagi memastikan paras air di Hutan Simpan Raja Musa sentiasa seimbang kerana tanah gambut mempunyai bahan kering di bawahnya dan tidak boleh dibiarkan berlaku kekerihan berpanjangan.

"Apabila tiba musim kemarau, operasi pengepaman air akan dilakukan segera bagi mengelakkan perkara tak diingini berlaku," katanya kepada SelangorKini, baru-baru ini.

Disebabkan tanah gambut mudah terbakar, maka Jabatan Perhutanan turut membina *canal blocking* bagi mengawal paras air supaya tidak mengalir keluar secara tidak terkawal selain melakukan penanaman pokok spesies hutan paya gambut setiap bulan sebagai langkah kawalan untuk memulihkan kawasan hutan paya gambut yang terosot.

Bagi daerah Hutan Pantai Klang Kuala Langat Utara, *canal blocking* turut digunakan kerana kawasan itu lebih kering dan cedek berbanding Hutan Simpan Raja Musa se-

lain dibantu sistem *tube well*.

Menerusi sistem *tube well*, permukaan tanah digali sedalam 30 meter untuk mencari punca air yang akan disedut keluar dari permukaan bumi dan disalurkan ke kawasan berpotensi berlakunya kebakaran hutan.

Setakat ini, sejumlah 10 tube well dibina dan digunakan dengan berkesan serta bercadang menambah bilangan alat itu.



Dengan kerjasama

SELEBRITI talkshow SIRI 1 2018

31 Mac 2018 (SABTU) | 9.30 MALAM

DATARAN MERDEKA SHAH ALAM

#ErtiKehambaan

YB Dato' Dr Ahmad Fauzi bin Matruddin

PU RAHMAT

SHAMSUL CHAU-CHAU

Tingkat *citizen engagement*

# MPAJ selesai isu perbandaran

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**AMPANG** - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berjaya meningkatkan aspek *citizen engagement* yang giat dilaksanakan, di peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Pihak Berkuasa Tempatan itu berjaya menyelesaikan isu cabaran perbandaran secara inovatif dan komprehensif.

Katanya, kejayaan itu harus didukung komitmen untuk mengangkat martabat dan kebijakan masyarakat bandar serta luar bandar secara berterusan.

"Kita perlu ambil pendekatan secara inovatif selaras pelaksanaan dasar pintar bagi melahirkan majlis perbandaran

yang membangun tanpa perlu berada, pada takuk lama.

"Saya cukup bangga dengan prestasi MPAJ dan tentunya di peringkat Kerajaan Negeri saya akan terus mendukung aspek pembangunan, di Ampang Jaya.

"Namun, program perlu dilaksanakan secara berterusan bagi mendukung hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Selangor sebagai *Smart State*," katanya.

MPAJ optimis mengekalkan prestasi cemerlangnya dengan terus mendukung aspirasi pembangunan komuniti, di peringkat Kerajaan Selangor.

Yang Dipertua, Abdul Hamid Hussein berkata, MPAJ kekal relevan menyumbang bakti secara efektif kepada komuniti dengan melaksanakan prinsip ketelusan dan kesaksamaan dalam pengurusannya.



Mohamed Azmin beramah mesra bersama kakitangan MPAJ, pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, di Hotel Flamingo, pada 21 Mac lalu

## Optimis kekal prestasi cemerlang

**AMPANG** - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) optimis mengekalkan prestasi cemerlang untuk terus mendukung aspirasi pembangunan komuniti, di peringkat Kerajaan Selangor.

Yang Dipertua, Abdul Hamid Hussain berkata, MPAJ kekal relevan menyumbang bakti secara efektif kepada komuniti dengan melaksanakan prinsip ketelusan dan kesaksamaan dalam pengurusannya.

"Tuntutan pembudayaan etika dan integriti penting untuk diterjemahkan warga MPAJ bagi mencapai matlamat itu.

"MPAJ amat menitikberatkan nilai murni dan sentiasa

bertindak jujur, amanah, responsif terhadap isu berkaitan tugas.

"Selain itu, ia terus kekal dengan melaksanakan tanggungjawab masing-masing, berhemah dalam pengurusan kewangan dan berpegang kepada akauntabiliti atas sesuatu tindakan dilaksanakan," katanya.

Terdahulu, seramai 65 warga kerja MPAJ diraikan, pada Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pihak Berkuasa Tempatan itu.

Selain itu, 59 warga kerja MPAJ terdiri daripada kakitangan awam yang berkhidmat sejak 1992 turut diberi peng-

hargaan.

Majlis turut menyaksikan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya dan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Nor Azmie Diron, menyampaikan anugerah kepada penerima.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, (Pengurusan), Dato' Mazalan Md Noor dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim.

Turut hadir, Exco Perumanan, Dato' Iskandar Abdul Samad.



## Bersama tangani denggi

**KAJANG** - Masyarakat perlu bekerjasama membanteras denggi daripada terus menular dan berhenti menuding jari dengan menyalahkan pihak berkuasa.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Najmuddin Jemain berkata, usaha itu hanya dapat dilakukan melalui langkah pencegahan bersama dan memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak.

"Namun, malangnya kesedaran masyarakat amat kurang, sekali gus denggi akan lebih menular jika kita tidak bersama membanteras kes ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Bengkel Brainstorming dan tagline

Gempur Aedes Kajang (GERAK) bagi Memperkasakan Pencegahan dan Kawalan Wabak Denggi daerah Hulu Langat bertempat di Dewan Sri Cempaka, di sini, baru-baru ini.

Najmuddin berkata, masyarakat sendiri harus bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan bukan sahaja di dalam rumah, malahan di luar rumah serta tempat awam.

"Kawasan mereka akan selamat daripada ancaman Aedes jika setiap penduduk memberikan kerjasama untuk membanterasnya.

"Setiap masyarakat yang sayangkan kesihatan diri dan keluarga wajar memahami bahayanya Aedes sehingga boleh meragut nyawa," katanya.

## Penjaja cuci sayur jijik bakal berdepan tindakan

**SHAH ALAM** - Video tular seorang penjaja pasar malam di Rawang mencuci sayur menggunakan lopak air bertakung mengundang kemarahan netizen.

Video berdurasi lebih seminit itu tersebar luar di laman sosial menunjukkan seorang lelaki warga Bangladesh mencelup beberapa ikat sayur di air bertakung, berdekatan khemahnya.

Lebih mengundang kemarahan netizen apabila sayur itu dicampak ke rumput sebelum air yang sama digunakan membasuh kasut dipakainya.

Perlakuan itu disifatkan sebagai manganaya serta menggugat kesihatan pelanggan.

Timbalan Pengarah Hal Ehwal Korporat Majlis Perbandaran Selayang, Ahmad Fauzi Ishak berkata, perlakuan itu jelas melanggar syarat perlesenan

dalam aspek kebersihan dan pelaku boleh dikenakan tindakan kompaun atau lesen perniagaan ditarik.

"Kita sudah mengenal pasti individu yang bertanggungjawab ke atas kejadian terbabit dan tindakan penahanan lesen akan dibuat.

"Bagaimanapun, beberapa pegawai perlesenan dan penguatkuasaan akan menjalankan pemeriksaan serta siasatan Isnin ini (26 Mac lalu) kerana pasar malam itu hanya berlangsung, pada setiap hari berkenaan," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Selain itu, Fauzi berkata, penjaja akan dikenakan tindakan kompaun kerana melanggar syarat lesen jika disabitkan kesalahan.

Tindakan penguatkuasaan adalah dibawah akta Undang-Undang Kecil (UUK) 2007 Seksyen 11 (1).

Buka semula bahan kempen

# Pasang bendera parti ikut tempoh

OLEH SABIRAH AZIZ

**BANTING** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) memohon semua pihak supaya tidak memasang bendera parti dan bahan kempen Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), sebelum tempoh ditetapkan.

Yang Dipertua, Mohamad Zain A Hamid berkata, perkara itu terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dan mereka berhak mengambil tindakan undang-undang jika tidak dipatuhi.

"Walaupun tempoh bagi pemasangan bendera dan bahan kempen belum bermula, namun kami mendapat terdapat beberapa kawasan yang sudah mula dipasang bendera tanpa kebenaran.

"Oleh itu, saya minta kerjasama semua pihak yang terbabit supaya membuka semula segala bentuk pemasangan bendera dan bahan kempen.

"Ia bagi membolehkan semua pihak dapat mematuhi segala syarat yang ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

berkenaan pemasangan bendera dan bahan kempen sebelum bermulanya PRU14," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Mesyuarat MDKL Bilangan 2, tahun 2018, pada 27 Mac lalu.

Mohamad Zain berkata, MDKL mengambil pendekatan harmoni dan efektif dengan menghubungi pihak terbabit untuk menurunkan semula semua bentuk bendera dan bahan kempen.

Terdahulu, SPR memaklumkan tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pihak dengan mengarahkan poster atau bendera diturunkan kerana kuasa diperuntukkan boleh dikuatkuasa ketika tempoh rasmi kempen pilihan raya, selaras dengan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Hal itu kerana pemasangan bendera dan bahan kempen sebelum bermulanya PRU14 terletak di bawah bidang kuasa PBT bukannya SPR.



## MDKL siap sedia hadapi perubahan cuaca

**BANTING** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan bencana akibat perubahan cuaca yang tidak menentu sejak kebelakangan ini.

Yang Dipertua, Mohamad Zain A Hamid berkata, pihaknya bekerjasama dengan Skuad Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) bagi mengatasi masalah seperti banjir kilat dan pokok tumbang.

"Kami sudah memantau kawasan berkenaan berlaku kejadian ini. Kami juga memeriksa keadaan pokok bermasalah dan tumbang di kawasan yang sering terbabit.

"Skuad PANTAS turut digerakkan bagi menyelesaikan masalah pokok tumbang, menyelamat serta memindah mangsa banjir dan kebakaran supaya ia diselesaikan segera," katanya.

Pada masa sama, Mohamad Zain berkata, MDKL melalui KDEB Waste Management (KDEBWM) kini dalam proses menyelesaikan masalah longkang rosak dan

tersumbat serta sampah.

"Kami kini memfokuskan kawasan yang bermasalah dan memerlukan penyelesaian segera," katanya.

Terdahulu, menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, fasa peralihan monsun dijangka akan berterusan sehingga pertengahan Mei ini, sekali gus menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut.

Dalam tempoh berkenaan, kawasan serantau negara akan mengalami tiupan angin daripada pelbagai hala dengan kelajuan rendah serta keadaan cuaca seperti hujan lebat, ribut petir dan angin kencang terutama pada waktu petang dan awal malam.

Ia lebih kerap berlaku di kawasan negeri pantai barat, pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah serta kawasan barat dan tengah Sarawak, dengan ribut petir kuat disertai hujan lebat dan angin kencang sehingga menyebabkan banjir kilat serta kerosakan struktur tidak kukuh.

## 3,000 meriahkan 60+ Earth Hour

**SHAH ALAM** - Lebih 3,000 pengunjung memeriahkan Program 60+ Earth Hour Shah Alam 2018 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bertempat di Dataran Kemerdekaan, Seksyen 14, di sini, pada 24 Mac lalu.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, Program 60+ Earth Hour adalah kempen yang dilaksanakan secara menyeluruh bertujuan memberi kesedaran berhubung isu pemanasan global yang semakin meruncing.

"Ia juga simbolik sokongan terhadap usaha World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia untuk menyelamatkan bumi daripada pencemaran alam sekitar.

"Selain itu, program ini adalah komitmen berterusan MBSA untuk mendidik komuniti Shah Alam bersama berganding bahu dan mengamalkan sikap bertanggungjawab di dalam memulihara keseimbangan alam sekitar," katanya dalam kenyataan.

Shahrin berkata, program yang bermula jam 6 petang itu menampilkan pelbagai aktiviti dan antara acara utama adalah Berbasikal Kayuhan Malam MBSA.



Beliau berkata, majlis perasmian disempurnakan oleh Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Sementara itu, katanya, antara acara sampingan lain yang turut diadakan adalah pertandingan mewarna sempena Program 60+ Earth Hour Shah Alam 2018.

"Pertandingan ini berjaya menarik penyertaan 200 peserta dalam kalangan kanak-kanak membabitkan tiga kategori pertandingan mewarna iaitu kategori A (4-6 tahun), kategori B (7-10 tahun) dan kategori C (11 dan 12 tahun)," katanya.

Selain itu, turut diadakan Pameran Inisiatif Hijau MBSA, Chu-Chu Train, Food Truck dan Pameran WWF Malaysia.

Orang ramai juga berpeluang untuk mendapatkan perkhidmatan beca bercahaya secara percuma yang disediakan MBSA.

IPR HOLDING

ERRY PUTRA FARALYNA NOR ALBANIA ARIZ LUFIAS

SETIAP KHAMIS 3.00 PETANG

selangortv.my tvs

Terima latihan kemahiran terbaik

# Yayasan Raja Muda Selangor buka peluang



OLEH ERMIZI MUHAMAD

**SUBANG JAYA** - Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) membuka peluang kepada golongan muda berusia antara 18 hingga 29 tahun menyertai latihan khidmat nasihat dan bantuan asas kewangan bagi lanjutan bidang kemahiran, di Selangor.

Inisiatif itu dizerahkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selaku penaung Diraja YRMS, sejak 2003.

Antara program ditawarkan adalah *Talent For The World Programme*, Bengkel *Self Discovery for Young Adults*, Kursus Kemahiran, program keusahawanan dan amal.

YRMS turut menjalin kerjasama bersama Akademi Sulam Emas bagi mengikuti latihan kemahiran dan jahitan.

Usahasama itu bakal menawarkan kelas modul bagi mereka yang berminat mengikuti latihan kemahiran jahitan pelbagai jenis pakaian dengan teknik betul.

Sebelum ini, pemilihan ker-

jasama itu dibuat berdasarkan pernilaihan dan komitmen Akademi Sulam Emas menyediakan latihan kemahiran kepada peserta.

Akademi Sulam Emas adalah pusat latihan kemahiran yang diiktiraf Kementerian Sumber Manusia melalui pertaulahan diluluskan Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia.

Mereka yang berminat boleh membuat pendaftaran di laman sesawang [www.yrms.org.my](http://www.yrms.org.my) atau hubungi talian 03-55133500 untuk pertanyaan lanjut.

## SDAR juara debat dan pidato Yayasan Selangor

**KLANG** - Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban, muncul juara Pertandingan Debat dan Pidato Yayasan Selangor kali ke-10, yang diadakan di Asrama Yayasan Selangor, di sini, pada 19 Mac lalu.

Pertandingan yang bermula sejak 16 Mac lalu itu menyaksikan pemenang membawa pulang wang tunai RM2,000, sijil dan piala pusingan.

Perasmian penutup dan penyampian hadiah disampaikan Setiausaha Kanan Exco Pendidikan, Pembangunan Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Abbas Awang mewakili Nik Nazmi Nik Ahmad.

Salah seorang wakil juara, Muhammad Amin Baihaqi Mat Zuki berkata, kemenangan berkenaan dapat memupuk ukhwah dan kerjasama berpasukan dalam kalangan mereka.

"Melalui pertandingan ini, kami bukan hanya mendapat fakta sahaja, malahan bersaing secara sihat antara satu sama lain seperti melakukan perbincangan serta



**Pertandingan yang memasuki sedekad pengajurannya bertujuan mengembangkan kemahiran pendebat dan pemidato melaikan idea bernas juga berkualiti**

menghasilkan idea untuk dibahaskan bersama.

"Ini adalah kejayaan yang baik untuk dikecapi bersama dan kami rasa sangat berbangga kerana sepanjang pertandingan ini berlangsung, semuanya berjalan lancar."

"Diharapkan, program ini dapat diteruskan pada masa hadapan supaya melahirkan generasi pelapis pendebat, sekali gus menerapkan

pelbagai fakta dan maklumat berguna sebagai panduan," katanya kepada SelangorKini.

Muhammad Amin yang juga memenangi kategori pendebat terbaik turut membawa pulang hadiah wang tunai RM200, sijil dan piala.

Sebanyak 33 sekolah terbaik menyertai pertandingan yang terbuka kepada semua jenis aliran sekolah dari setiap negeri.

## UNISEL komited dukung demokrasi pendidikan

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (UNISEL) komited meneruskan pengajian percuma khusus bagi tahun asas selaras hasrat menjadi institusi itu sebagai pengamal demokrasi pendidikan.

Naib Canselor UNISEL, Prof Dato' Dr Mohd Redzuan Othman berkata, usaha itu mendapat reaksi memberangsangkan daripada orang ramai, sekali gus mendukung aspirasi pendemokrasian pendidikan, sejak dilaksanakan, pada 2016.

Katanya, pengajian tahun asas ditawarkan kepada mereka

yang tidak berpeluang masuk ke matrikulasi tetapi pada masa sama ingin meneruskan pengajian dalam jurusan sains dan kejuruteraan.

"UNISEL juga salah sebuah institusi yang menawarkan yuran pengajian paling rendah dan berpatutan jika dibandingkan dengan sesetengah IPTS."

"Bagaimanapun, kita tidak mengetepikan kualiti pendidikan dengan UNISEL memiliki khidmat tenaga pengajar berkebolehan daripada segenap aspek dan keberkesanannya jelas terbukti

apabila kita melahirkan ramai graduan berkualiti, saban tahun," katanya.

Dr Redzuan berkata, pendekatan dilaksanakan bagi membolehkan pendidikan dapat dinikmati segenap lapisan masyarakat tanpa mengira status ekonomi, latar belakang dan keluarga.

"Setiap warganegara amnya di negeri ini berhak mendapat pendidikan paling berkualiti, jadi kita ingin memberi peluang semaksimum dan seramai mungkin kepada mereka yang berminat menuntut ilmu, di sini," katanya.

**SHAH ALAM** - Pesta Buku Selangor 2018 yang memasuki penganjuran kali ke-13 bakal menghimpulkan pelbagai karakter kartun daripada koleksi majalah kartun dan humor terbitan Bekazon, di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), bermula 29 Mac hingga 8 April ini.

Ketua Bahagian Gerakan Membaca Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Norkhairul Nizam M Sadon berkata, karakter berkenaan akan ditampilkan dalam satu perkampungan kartun daripada kartunis majalah terkenal sekitar 80an hingga 90an seperti Ujang, Apo dan Gempak.

"Pelbagai karakter akan dihimpunkan seperti Tandori Payat, Joni dan Cupin, selain pengunjung berpeluang memenangi hadiah misteri dengan menyertai peraduan *Standee Selfie* daripada Bekazon dan Awang Khenit secara kreatif."

"Terdapat juga cabutan berkuad RM500 setiap hari serta penampilan istimewa maskot Didi & Friends, Ejen Ali, Mat Dan, Aisyah, Lagenda Pelukis Komik Otai Ujang dan sesi tadabbur bersama Tuan Fazrul," katanya kepada SelangorKini.

Bertemakan membaca mencecah kreativiti, ia bertujuan melahirkan budaya membaca dalam pelbagai aspek termasuk menonjolkan kreativiti kepada pengunjung dan peserta.

Norkhairul berkata, pihaknya mensasarkan pengunjung yang



**Masuk:**  
Percuma  
**Waktu berlangsung:**  
Isnin – Khamis:  
10 pagi - 9 malam  
Jumaat – Ahad:  
10 pagi - 11 malam

hadir dalam kalangan terbuka dan berkeluarga kerana golongan itu dilihat antara pengunjung wajib setiap kali berlangsungnya pesta buku.

"Sebelum ini, kita memfokuskan kepada pelajar, namun pada kali ini kelebihan diberikan kepada golongan berkeluarga yang menjadikannya sebagai ruang untuk aktiviti santai."

"Kami juga mengadakan pameran bahan bacaan bagi golongan orang kurang upaya (OKU) cactat penglihatan dengan kerjasama KL Braille Resources sebagai salah satu daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR)," katanya.



Ahmad Yunus (dua dari kanan) ketika merasmikan Karnival Kampungku Ke-sayanganku (3K) daerah Hulu Langat, di Padang Awam Batu 14, pada 23 Mac lalu

Elak tular gejala negatif

## Bersama bentuk akhlak remaja

OLEH NAZLI IBRAHIM

**HULU LANGAT** - Isu keruntuhan akhlak generasi *millennial*, terutama remaja Melayu Islam semakin meruncing sehingga menjadi penyakit yang menular dalam kalangan masyarakat, hari ini.

Exco Hal Ehwal Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairy berkata, keadaan itu mengundang tanggapan negatif bangsa lain terhadap Islam.

"Penyalahgunaan dadah, ketagihan arak, seks bebas, ponteng sekolah, vandalisme dan pelbagai lagi gejala mungkar kini menjadi perkara biasa kepada anak remaja bandar juga luar bandar.

"Jika hal ini tidak dibendung pihak berwajib secara serius, maka tidak hairan suatu hari nanti masyarakat kita akan hancur dan keruntuhan akhlak remaja Melayu Islam akan rosak serta binasa," katanya.

Beliau berkata, kesan jangka pendek dan panjang pasti akan ber-

laku jika masyarakat tidak mengambil tindakan proaktif menangani permasalahan yang kian meruncing itu.

Ahmad Yunus berkata, negara juga bakal kehilangan pelapis generasi kepimpinan, pada masa hadapan sehingga menyebabkan kerancakan pembangunan negara terbantut jika isu itu diabaikan.

"Institusi kekeluargaan adalah aset utama dalam membentuk persekitaran kebahagiaan dan keharmonian sesuatu masyarakat," katanya.

## Kembara sambil beramal pupuk kerjasama

**SHAH ALAM** - Seramai 34 pegawai dan kakitangan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) serta Kelab Pembangunan Kecemerlangan Jabatan (KPKJ) menyertai program Kembara Amal ke Sungai Klah, Sungai Perak, pada 22 Mac lalu.

Pengerusi AKRAB, Nenney Shuhaidah Shamsuddin berkata, program juluhan kali diadakan itu bagi memupuk semangat kerjasama dalam menjaga keselamatan ahli kembara, selain memperkuatkan ukhwah pengurusan di pelbagai peringkat lapisan kerja.

Katanya, ia dilihat sebagai satu inisiatif yang amat baik bagi menyuntik semangat baru kepada peserta memandangkan kembara amal kali ini membabitkan program di luar jabatan, sekali gus memberi ruang menimba pengalaman baru.

"Pengisian program ini membabitkan tanggungjawab sosial korporat dengan mereka bergotong-royong melaksanakan program khidmat kemasukan.



Peserta bergambar pada Majlis Pelepasan Program Kembara Amal ke Sungai Klah, di perkarangan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor

"Di samping itu, mereka turut menjalankan kerja pembersihan di sekitar Masjid Jamek Felda Sungai dan menganalisa dengan lebih rapat komuniti di sana," katanya.

Pada masa sama, Nenney berkata, program itu juga memberi peluang kepada peserta untuk memperbaiki ibadat solat supaya lebih teratur dan sempurna menerusi program solat tahsin.

Beliau optimis penganjuran sulung itu berhasil selari hasrat mempromosikan jabatan sebagai Institusi Kehakiman Syariah yang berdiri teguh, di Selangor.

"Kita berharap aktiviti sedemikian membolehkan imej dan reputasi jabatan kehakiman terus dipertingkatkan serta menguasai uarkan kepada masyarakat luar berkeraan kepelbagai fungsi yang dijalankan," katanya.

## Segera bertindak selesai krisis Rohingya

**SHAH ALAM** - Majlis Perundungan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) menganjurkan Persidangan Meja Bulat pada 21 Mac lalu bagi menggerakkan usaha menyelesaikan krisis Rohingya yang terus meruncing.

Presidennya, Mohd Azmi Abdul Hamid berkata, rapat temu itu lebih menjurus kepada analisis strategi dengan mengetengahkan 12 resolusi untuk melobi segala tindakan mengekang keganasan Myanmar.

Katanya, nyawa etnik Rohingya yang terbunuh akibat kekejaman Myanmar seakan dibutakan daripada penglihatan dunia antarabangsa.

"Justeru, kita bersama dalam perbincangan ini untuk melontarkan idea dan mencari penyelesaian menghalang kejahanan itu daripada terus berlanjut.

"Namun, kezaliman dilakukan bukan hanya membabitkan etnik Rohingya, malah etnik minoriti lain turut terkesan melalui penindasan hebat rejim berkenaan," katanya.

## IDE anjur Seminar Nasional Maqasid Shari'ah 2018

**SHAH ALAM** - Institut Darul Ehsan (IDE) akan menganjurkan Seminar Nasional Maqasid Shari'ah 2018 dengan tema Maqasid al-Shari'ah Dalam Pilihan Raya bertempat di Auditorium, Dewan Sivik MBPJ, Petaling Jaya, pada 31 Mac ini.

Seminar itu bertujuan menyediakan landasan perbincangan antara ilmuwan, sarjana, intelektual, ahli politik dan masyarakat awam berkaitan aplikasi Maqasid al-Shari'ah dalam konteks pilihan raya serta sistem demokrasi, di Malaysia.

**WAKTU SOLAT SELANGOR**  
29 MAC - 4 APRIL 2018  
11 - 17 REJAB 1439H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
29 Khamis	5:49	5:59	7:13	1:21	4:21	7:24	8:33
30 Jumaat	5:48	5:58	7:12	1:21	4:21	7:24	8:33
31 Sabtu	5:48	5:58	7:12	1:20	4:22	7:24	8:33
01 Ahad	5:47	5:57	7:12	1:20	4:22	7:23	8:33
02 Isnin	5:47	5:57	7:11	1:20	4:22	7:23	8:32
03 Selasa	5:46	5:56	7:11	1:19	4:23	7:23	8:32
04 Rabu	5:46	5:56	7:10	1:19	4:23	7:23	8:32

Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
29 Khamis	5:51	6:01	7:14	1:23	4:23	7:26	8:35
30 Jumaat	5:50	6:00	7:14	1:23	4:22	7:26	8:35
31 Sabtu	5:50	6:00	7:14	1:23	4:23	7:26	8:35
01 Ahad	5:49	5:59	7:13	1:22	4:23	7:26	8:35
02 Isnin	5:49	5:59	7:13	1:22	4:24	7:26	8:35
03 Selasa	5:49	5:59	7:12	1:22	4:24	7:25	8:35
04 Rabu	5:48	5:58	7:12	1:21	4:25	7:25	8:34

Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
29 Khamis	5:49	5:59	7:14	1:21	4:21	7:24	8:33
30 Jumaat	5:49	5:59	7:13	1:21	4:22	7:24	8:33
31 Sabtu	5:48	5:58	7:13	1:21	4:22	7:24	8:33
01 Ahad	5:48	5:58	7:13	1:20	4:23	7:24	8:33
02 Isnin	5:48	5:58	7:12	1:20	4:23	7:24	8:33
03 Selasa	5:47	5:57	7:12	1:20	4:24	7:23	8:32
04 Rabu	5:47	5:57	7:11	1:20	4:24	7:23	8:32

Ceburi bidang teknikal dan vokasional

# Wanita ada peluang setara lelaki

OLEH SYAZWANI SUFIAN

**SUBANG JAYA** - Golongan wanita mempunyai peluang setara lelaki untuk mendapatkan pendidikan dan menceburi kerjaya berkemahiran, di negara ini.

Pemandu Wanita India Pertama Malaysia Aliran Transit Ringan (LRT) laluan Ampang, Uma Dewi Rengasamy berkata, ia boleh dilakukan menerusi penyertaan dalam bidang teknikal dan vokasional (TVET) yang semakin diiktiraf, pada masa kini.

"Bidang kemahiran tidak terbuka hanya kepada lelaki tetapi wanita pada zaman moden juga mampu menceburinya.

"Sedangkan kemahiran wanita seperti dandanan rambut, jurusolek dan pereka fesyen juga diceburi kaum lelaki, jadi tidak salah wanita terbabit dalam program ditawarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS), di Sunway Pyramid Convention

Center, di sini.

Pada masa sama, Uma melahirkan sokongan terhadap inisiatif Kerajaan Negeri memperkenalkan IKTISASS yang membolehkan orang ramai membuka minda bahawa bidang kemahiran dan teknikal juga salah satu kerjaya yang boleh menjamin masa depan.

"Justeru, saya minta anak muda tidak melepaskan peluang melihat program TVET yang ditawarkan," katanya.

**Uma adalah wanita India pertama Malaysia sebagai Kapten Tren yang membawa kira-kira 1,200 penumpang bagi laluan dari Putra Height ke Sentul Timur**



## Bengkel Keselamatan Kanak-kanak pupuk kesedaran awal

**KUALA LUMPUR** - Seramai 100 peserta menghadiri Bengkel Keselamatan Kanak-kanak Selangor anjuran Institut Wanita Berdaya (IWB) yang berlangsung, pada 19 hingga 21 Mac lalu.

Pengerusi IWB, Zuraida Kamruddin berkata, bengkel itu dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada kanak-kanak berhubung pelbagai perkara, daripada peringkat awal.

"Adalah penting untuk kanak-kanak, ibu bapa dan masyarakat peka terhadap sebarang isu dihadapi, di Malaysia, pada masa kini.

"Selangor adalah negeri paling ke hadapan yang sedar kepentingan memberikan pendedahan kepada kanak-kanak berkenaan keselamatan diri mereka," katanya.



Zuraida berkata, terdapat tiga program utama dilaksanakan IWB iaitu Seminar Perlindungan Kanak-

Kanak, Bengkel Keselamatan Diri Kanak-Kanak dan Bengkel Kesedaran Atasi Penderaan Seksual Terhadap Kanak-Kanak.

& RAGE yang menjalankan pelbagai program berkenaan keselamatan kanak-kanak.

Sementara itu, Pegawai Polisi IWB, Farah Afzan Faridi berkata, bengkel berkenaan turut mendapat kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Program bersiri ini adalah inisiatif kami dalam usaha memberi kesedaran kepada kanak-kanak berkenaan risiko dan bahaya yang sering dihadapi, di dunia sebenar.

"Bengkel ini memberi penekanan terhadap interaksi mereka dengan dunia luar, kami mendidik kanak-kanak supaya sentiasa berhati-hati dan berwaspada apabila berinteraksi dengan orang tidak dikenali," katanya.

**Peserta bergambar kenangan selepas menghadiri Bengkel Keselamatan Kanak-kanak Selangor selama tiga hari, bermula 19 Mac lalu**

Katanya, IWB turut mengadakan kerjasama strategik dengan badan bukan kerajaan seperti PS The Children, Monster Among Us

## Mahasiswa asnaf terima bantuan komputer riba

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyumbangkan 1,115 komputer riba bernilai RM2.5 juta kepada mahasiswa

daripada keluarga asnaf fakir dan miskin, di Dewan Canselor Management and Science University (MSU), pada 23 Mac lalu.

Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf LZS, Zaharuddin Salim berkata, bantuan itu diberikan kepada mahasiswa yang mengikuti pengajian di institut pengajian tinggi awam dan swasta, di seluruh negara.

Katanya, mahasiswa yang ingin menerima bantuan itu perlu perlu memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.5 ke atas dengan keutamaan diberikan kepada mereka yang mengikuti pengajian kejuruteraan, pengurusan perniagaan dan teknologi maklumat.

"Bantuan ini diharap dapat memberi kemudahan kepada pelajar ketika sesi pembelajaran.

"Ia adalah bantuan tambahan selain bantuan sara diri bulanan dan pembentukan yuran pengajian," katanya ketika Program Agihan Pendidikan Pelajar Asnaf 2018, di sini.

Majlis sama turut menyaksikan penyampaian bantuan program Kasihku Zakat Selangor bagi pembukaan akaun SSPn-i oleh PTPTN



**Mahasiswa asnaf menerima komputer riba selain bantuan sara diri dan yuran pengajian, di bawah tajaan LZS**

kepada pelajar tajaan LZS berjumlah RM115,750.

Sumbangan itu adalah agihan zakat PTPTN bagi pembukaan akaun kepada 2,315 murid tahun satuh juga daripada keluarga asnaf dengan deposit RM50 setiap seorang.

Mereka juga turut menerima insentif geran sepadan RM50 dari

pada PTPTN.

Majlis penyerahan disempurnakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS, Prof Emeritus Dr Muhammad Awang; Pengurus Besar Kanan Pejabat PTPTN negeri, Wan Zabiah Wan Abu Bakar dan Ketua Pegawai Kewangan LZS, Rapizah Muhammad Sharif.

**PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD**  
(1082296-U)

**KENYATAAN TENDER**

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	AIS/OS/T5/3/2018	'PACKAGE D5 – SUPPLY AND DELIVERY OF ONE HUNDRED THIRTY (130) UNITS OF MOTORCYCLES HONDA WAVE AFS110MC SH COMPLETE WITH ACCESSORIES'
2.	AIS/PCW/T7/3/2018	'PROPOSED PIPE REPLACEMENT PROGRAM OF DETERIORATED AC RAW WATER PIPELINE AT SG KALUMPANG WTP, SELANGOR'

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami <https://www.syabas.com.my/business/current-tender#1> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderaireselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami

Stadium Mini MPAJ

# Canggih dan mesra OKU



Stadium itu akan dilancarkan pada April dan mula dibuka kepada orang ramai, pada Jun ini

OLEH NAZLI IBRAHIM

**AMPANG** - Stadium Mini Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bukan sahaja memiliki sistem teknologi terkini yang canggih, malah turut dilengkapi ciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU).

Setiausaha MPAJ, Hasrolnizam Shaari berkata, stadium bernilai RM19 juta itu dibina mengikut spesifikasi dan piawaian antarabangsa seperti disyaratkan dalam kontrak.

"Kita sudah tetapkan kontraktor dilantik mesti mengikut spesifikasi dan piawaian antarabangsa seperti disyaratkan.

"Sebelum projek ini siap, mereka perlu mendapatkan pengesahan badan berkenaan," katanya selepas mengadakan lawatan tapak projek pembinaan Stadium Mini MPAJ bersama ahli majlis dan wakil media, baru-baru ini.

Beliau berkata, antara kemudahan mesra OKU yang terdapat di stadium padang sintetik itu adalah 10 tempat duduk khas untuk OKU, laluan khas OKU, kemudahan lif dan parkir khas OKU.



Kredit Google &amp; The Star

Pada masa sama, Hasrolnizam berkata, kawasan itu juga bakal dilengkapi stesen Transit Aliran Massa (MRT), pada masa akan datang.

"Selain 100 parkir dalam kawasan stadium dan parkir tambahan di kawasan luar, saya juga gembira kerana kawasan ini bakal menjadi laluan MRT, sekali gus memudahkan orang ramai ke stadium tanpa membawa kenderaan sendiri," katanya.

## Azlan Shah beraksi di Supersport Dunia Thailand

**KUALA LUMPUR** - Pelumba negara, Azlan Shah Kamaruzaman akan mengantikan penunggang Turki, Kenan Sofuooglu, pada pusingan kedua Kejohanan Superpot Dunia, di Thailand, minggu ini.

Beliau akan menunggang untuk pasukan Kawasaki Puccetti Racing ekoran kemalangan menimpa Sofuooglu dalam perlumbaan pusingan pertama di Philip Island, Australia, bulan lalu, yang mengakibatkan cedera, di bahagian pinggul.

Sofuooglu mengalami masalah di bahagian itu ekoran sebelum ini terbabit dalam insiden sama ketika berlumba di Magny Cours, tahun lalu.

Azlan Shah, 33, berkata, beliau gembira memperoleh peluang berlumba dalam kejohanan dunia itu.

"Saya sangat gembira dan impian menjadi kenyataan berlumba dengan pasukan ini dalam Kejohanan Dunia Supersport.

"Terima kasih kepada Kawasaki kerana memberi peluang dan saya akan cuba memberikan persembahan terbaik bagi



## Lepasi piawaian FIFA

**AMPANG** - Stadium Mini Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dijadikan gelanggang kejohanan profesional apabila menerima sijil pengiktirafan badan induk bola sepak, Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).

Setiausaha MPAJ, Hasrolnizam Shaari berkata, pengiktirafan itu diterima selepas wakil FIFA membuat pemeriksaan di stadium itu, pada Februari lalu.

"Stadium ini dilengkapi ke-

**Stadium ini dilengkapi kemudahan seperti penyediaan tempat duduk yang boleh memuatkan 1,010 penonton dengan kapasiti penuh kira-kira 5,000 penonton, pada satu masa**

**HASROLNIZAM SHAARI**  
Setiausaha MPAJ

mudahan seperti penyediaan tempat duduk yang boleh memuatkan 1,010 penonton dengan kapasiti penuh kira-kira 5,000 penonton, pada satu masa.

"Selain itu, ia juga dilengkapi permukaan balapan berteknologi terkini dan kemudahan asas lain seperti bilik persalinan, bilik rawatan, persediaan media, ruang VIP dan tandas," katanya.

Katanya, ciri istimewa lain yang terdapat di stadium itu termasuk sistem pencahayaan menggunakan lampu LED dengan bacaan pencahayaan 2,000 lux, berbanding syarat minimum bagi perlawanan Liga Malaysia yang memerlukan 1,200 lux.

Hasrolnizam berkata, lampu di stadium itu juga boleh dilaras mengikut keperluan semasa kejohanan dijalankan.

"Stadium ini cukup menampung kejohanan sederhana tetapi jika ada kejohanan besar, kami sudah menaik taraf jalan di kawasan sekitar kepada empat lorong dengan lorong tepi sekali dijadikan dwi fungsi meletakkan kendaraan," katanya.

PKNS REAL ESTATE				
KENYATAAN TENDER				
PKNS Real Estate Sdn Bhd mempelawa syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menyertai panggilan tender seperti berikut:				
TAJUK	SYARAT ASAS	TEMPAT DAN TARikh LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARikh AMBIL DOKUMEN	TARikh TUTUP & TEMPAT HANTAR DOKUMEN TENDER
<b>Cadangan Menaiktaraf Sistem Kipas Bertekanan Tinggi, Hose Reel, Wet Riser Dan Sprinkler Sistem Bagi Pematuhan Berdasarkan Pelan Lulus Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)</b>  No. Tender: PKNSRE/MPPJ/2018/BQ/001	<b>Gred : Minimum G2</b> <b>Kategori : Mekanikal dan Elektrikal (ME)</b> <b>Penghususan : M02 - Sistem Pencegahan Dan Perlindungan Kebakaran</b> <b>No. Tender: PKNSRE/MPPJ/2018/BQ/001</b>	<b>Tarikh : 04/04/2018 (RABU)</b> <b>Masa : 10.30 pagi</b> <b>(Kehadiran adalah WAJIB)</b>	<b>Tarikh : 04/04/2018 (RABU)</b> <b>Masa : (Selepas taklimat tapak)</b> <b>Harga Tender: RM212.00 (Termasuk 6% GST)</b>	<b>Tarikh : 18/04/2018 (RABU)</b> <b>Masa : SEBELUM 12.00 TENGAH HARI</b>

Berikut adalah syarat-syarat tambahan tender:

1. Syarikat mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun di dalam kerja-kerja berkaitan Sistem Pencegahan dan Perlindungan Kebakaran.
2. Pengambilan dokumen tender perlu disertakan dengan **satu (1) salinan** dokumen seperti berikut:
  - Sijil Pendaftaran dengan **CONSTRUCTION INDUSTRIAL DEVELOPMENT BOARD (CIDB)** yang masih aktif di bawah Gred **minimum G2**, Kategori **MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (ME)**, M02 – **SISTEM PENCEGAHAN DAN PERLINDUNGAN KEBAKARAN**.
  - Sijil Pendaftaran syarikat dengan SSM
  - Surat Pengesahan Pendaftaran GST (Jika berkaitan)
  - Surat perwakilan kuasa (Sekiranya pemilik syarikat tidak dapat hadir)
3. Kehadiran lawatan tapak adalah **WAJIB** bagi setiap syarikat.
4. Pembayaran bagi pembelian dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk **WANG POS** atau **DRAFT BANK** di atas nama **PKNS REAL ESTATE SDN BHD**.
5. Tender hendaklah dihantar dalam sampul surat bermetri dan dituliskan tajuk projek disebelah kiri atas sampul surat berkenaan serta dialamatkan seperti di bawah **TIDAK LEWAT** daripada **JAM 12.00 TENGAH HARI** pada tarikh tutup tender yang telah dinyatakan diatas.
6. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan dan keputusan syarikat adalah muktamad.
7. Hanya syarikat yang disenaraikan pendek sahaja akan dipanggil temuduga.
8. Pihak PKNS Real Estate Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah ataupun lain-lain tawaran yang dikemukakan tanpa sebarang sebab.

Satu lagi projek oleh:

**PKNS**  
REAL ESTATE

PKNS Real Estate Sdn Bhd (983834-W)  
No. 3F-05, Tingkat 3, SACC Mall, Jalan Perbadanan 14/9,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-5520 4567 Faks: 03-5518 1010



Mahabbah Walk 2018

## 1,000 peserta meriahkan larian

OLEH SHEEDA FATHIL

**SHAH ALAM** - Larian amal Mahabbah Walk 2018 anjuran Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), di Taman Botani Negara, pada 25 Mac lalu menyaksikan lebih 1,000 peserta mengambil bahagian.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE, Ami Nardin Ishak berkata, larian bertemakan 'Gaya Hidup Sihat, Untuk Buah Pinggang Sihat' itu adalah rentetan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia yang disambut, pada Mac setiap tahun.

"Tahun lalu, kami berjaya menghim-punkan 500 peserta dan sambutan kali ini amat memberangsangkan.

"Peserta terdiri daripada orang awam dan kakitangan anak syarikat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS), Bakti Suci Holdings Sdn Bhd (BSHSB) dan agensi korporat turut hadir tanda sokongan kepada pesakit dialisis," katanya dalam kenyataan.

Katanya, selain pesakit dialisis, turut ditampilkan tahun ini adalah peserta Orang Kelainan Upaya (OKU), mualaf dan anak yatim.

Pada masa sama, katanya, jumlah terkumpul daripada tajaan serta yuran penyertaan larian itu adalah RM45,000 dan ia akan terus disalurkan ke Pusat Dialisis MAIS bagi membiayai pembelian mesin hemodialisis.

"Ia bertujuan menggantikan mesin lama yang kerap mengalami kerosakan kerana kebanyakannya sudah berusia sekitar lapan hingga sembilan tahun," katanya.

Terdahulu, Larian amal Mahabbah Walk dilepaskan Pengurus MAIS, Dato' Setia Muhammed Khusrin Munawi dan kelom-



Tengku Amir Shah berkenan ke Larian amal Mahabbah Walk 2018 anjuran Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), di Taman Botani Negara



pok larian diketuai Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Mahabbah Walk 2018 turut diserikan kehadiran penyerang bola sepak pasukan PKNS FC, Safee Sali dan rakan pasukan ylain.

Turut hadir, Dato' Orang Kaya Maha Bi-

jaya Petaling, Dato' Emran Kadir; Orang Besar Daerah Petaling, Dato' Bakhtiar Hussin; Setiausaha MAIS dan ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE.

Pada majlis itu, Tengku Amir juga sempat meluangkan masa berswafoto dan beramah mesra bersama peserta larian.

**Adventure**  
Taekwando Club juara Piala Datuk Bandar MBSA

**SHAH ALAM** - Kumpulan Adventure Taekwando Club menjadi juara dengan merangkul 17 pingat emas, pada Kejohanan Taekwando Piala Datuk Bandar Shah Alam 2018, baru-baru ini.

Tempat kedua dimenangi Hypermax Taekwando Club dengan 14 pingat emas, manakala tempat ketiga diungguli Majlis Sukan Negeri Perlis dengan 12 pingat emas.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan, pada tahun ini iaitu kategori A bagi peserta berumur tujuh hingga lapan tahun, kategori B (9-11 tahun) dan kategori C (12-14 tahun).

Sementara kategori D untuk peserta berusia 15 hingga 17 tahun dan kategori terbuka (18 tahun ke atas).

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, pengjuran kali keempat itu disertai 30 kelab taekwando dengan 500 peserta.

Katanya, ia sebagai landasan bagi mencungkil bakat baru di peringkat akar umbi, di samping melahirkan atlet berkualiti dan berdaya saing.

"Kejohanan itu juga kaedah paling berkesan membentuk disiplin dan jati diri seseorang serta memupuk semangat kesukanan dalam melahirkan individu sihat juga berkualiti.

"Selain itu, ia turut mempromosikan MBSA sebagai Pihak Berkuasa Tempatan prihatin dan mengambil berat berkenaan pembangunan sukan bagi remaja," katanya.



## IKTISASS RM 52 JUTA UNTUK KEMAHIRAN ANAK MUDA

**Selangor Masa Depan Malaysia**

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh NAJ Press Resources (M) Sdn. Bhd., Lot 19, Jalan Lada Hitam 16/12, 40200 Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-5519 6373 Faks : 03-5512 7985

